

**WACANA AKHBAR
WASPADA DAN ANALISA
DALAM KEMPEN PARTI POLITIK
GOLKAR DAN PDI(P)
PADA PILIHAN RAYA TAHUN 1997 DAN TAHUN 1999
DI INDONESIA**

Oleh

Amir Purba

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

2010

PENGHARGAAN

Bismillaahirrahmaanirrahiim

Assalamualaikum. Warahmatullahi Wabarakatuh.

Puji syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya sehingga saya dapat menyelesaikan tesis ini. Keinginan saya untuk mendalami ilmu komunikasi yang manifestasinya menyatu dengan kehidupan manusia telah terpenuhi. Pada setiap tarikan nafas, bahkan setelah kematian menjemput, ilmu ini tetap sahaja akan wujud. Tidak dapat tidak bahawa satu karya ilmiah pasti merupakan hasil interaksi saya dengan masyarakat umum secara keseluruhan. Saya berguru dengan banyak orang, sama ada melalui dialog langsung, mahupun melalui tulisan-tulisan mereka yang saya baca dan pelajari.

Untuk itu semua, secara khusus saya sampaikan rasa hormat dan terima kasih yang tinggi kepada Prof. Madya Mohamad Md Yusoff kerana bimbingan dan tunjuk ajar yang penuh dengan kebijaksanaan, sehingga semangat dan motivasi saya tetap hidup hingga selesainya tesis ini. Semua bahagian daripada tesis ini, aura pemikiran beliau, dapat dirasakan kewujudannya.

Seterusnya terima kasih kepada Prof. Madya Adnan Husein, selaku Dekan Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, yang sempat juga membimbing saya pada pertengahan kerja tesis ini. Banyak bahagian daripada tesis ini daripada gagasan dan pemikiran beliau hingga menjadi semakin lengkap dan bermakna.

Selanjutnya, ucapan terima kasih saya kepada Dr. Hamima Dona Mustafa, yang telah bersusah payah membimbing dan mengarahkan saya pada peringkat awal penulisan tesis ini, dan hasilnya sudah menjadi sebahagian daripada tesis ini.

Ucapan terima kasih saya kepada Prof. Dr. Chairuddin P. Lubis, selaku Rektor Universitas Sumatera Utara atas segala sokongan yang diberikan sehingga selesainya tesis ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. M. Arif Nasution, selaku Dekan Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Sumatera Utara, atas semua gagasan dan motivasi yang diberikan, sehingga selesainya tesis ini.

Rasa terima kasih saya yang ikhlas kepada Pak Sofyan Harahap, dan Pak Erwan di Waspada; Pak Sofyan, dan Pak War Jamil di Analisa terhadap keseriusan dan ketekunannya melayani karenah wawancara saya. Hasil wawancara itu kini sudah menjadi tiang penyangga utama tesis ini.

Terima kasih juga, kepada keluarga Dr. M. Husnan Lubis, untuk keterbukaan keluarganya yang telah memberikan ruang kepada kehadiran saya dalam mengerjakan tesis ini. Rasa kekeluargaan yang saya terima telah melahirkan gagasan bijaksana pada tesis ini.

Khusus kepada kedua orang tua saya Haji M.D. Purba (Alm.), dan Hajjah S.br. Damanik (Almh.) ananda bersimpuh sambil menghaturkan terimakasih dan do'a kepadaNya. Ananda sadari sepenuhnya bahawa tesis ini adalah merupakan sebahagian daripada buah do'a kalian berdua selama ini. Sama ada, ucapan terimakasih kepada kedua mertua saya Haji D. Batubara (Alm.), dan Hajjah S.A. br. Harahap atas semua dukungannya, baik berupa moril, sama ada materil bagi selesainya kerja tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga besar saya, Kakak Bensianur Purba, Abang Djaulan Purba, Adik Daridjah Purba, Adik Ramotan Purba, dan

Si Bungsu Darminah Purba, masing-masing dengan keluarganya. Kalian semua, yang selama ini dengan rasa kekeluargaan yang tinggi, telah memberikan bantuan dan sokongan, sama ada moral mahupun material sehingga melancarkan proses penyelesaian tesis ini. Rasa terimakasih yang tulus juga disampaikan kepada Abangda Almarhum Imbalo Batubara, Kakak Jambon Batubara, Abang Harun Al'rasyid Batubara, dan Kakak Nur Sehat Batubara atas semua bantuan dan sokongan, sama ada moral mahupun material sehingga melancarkan proses penyelesaian tesis ini.

Penghargaan yang setinggi-tingginya, khusus kepada isteri tercinta, Siti Khairiah Batubara, SH. kerana peranannya yang tidak mungkin digantikan oleh sesiapa; demikian dengan anak dan putri kami tercinta, Darmansyah Purba, SP, Ardiansyah Purba, dan Minadiah Purba. Tanpa sokongan kalian, sudah pasti tesis ini tidak wujud.

Terakhir sekali, selaku seorang hamba Allah yang daif, saya memohon maaf yang sebesar-besarnya kepada semua pihak yang terkait dengan kerja tesis ini, atas semua kekurangan dan kekhilafan yang telah saya lakukan; selanjutnya, atas semua kebaikan dan keikhlasan yang saya terima, saya memohon kiranya Allah SWT. memberikan balasan yang berlipat ganda. Amin.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pulau Pinang, 27 September 2009

Amir Purba

Wacana Akhbar Waspada Dan Analisa Dalam Kempen Parti Politik Golkar Dan PDI(P) Pada Pilihan Raya Tahun 1997 Dan Tahun 1999 Di Indonesia

ABSTRAK

Kajian ini menelusuri wacana Waspada dan Analisa dalam memberitakan kempen Golongan Karya (Golkar) dan Parti Demokratik Indonesia (PDI)(P) dalam pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya tahun 1999. Pilihan raya tahun 1997 diselenggarakan pada akhir berkuasanya Orde Baru, yang menganut sistem politik otoritarian. Dalam pilihan raya ini, Golkar mengalahkan PDI. Pilihan raya tahun 1999 diselenggarakan pada awal berkuasanya rejim Reformasi, yang menganut sistem politik demokrasi. Pada pilihan raya ini, PDIP mengalahkan Golkar. Perbezaan sistem politik yang diamalkan oleh kedua-dua rejim, berpengaruh terhadap wacana Waspada dan Analisa dalam memberitakan kempen Golkar dan PDI(P). Permasalahan kajian ini adalah untuk meneliti, “Bagaimanakah akhbar Waspada dan Analisa mewacanakan kempen parti politik Golkar dan PDI pada pilihan raya tahun 1997 dan kempen parti politik Golkar dan PDIP pada pilihan raya tahun 1999? Tujuan kajian ini, adalah *pertama*, mengetahui wacana Waspada dan Analisa pada pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDI(P) pada kempen pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya 1999. *Kedua*, mengetahui perubahan wacana Waspada dan Analisa pada pemberitaan kempen parti politik Golkar, dan PDI(P) pada pilihan raya tahun 1997 dengan kempen pilihan raya tahun 1999.

Kajian menggunakan kaedah N. Fairclough dengan tiga dimensi analisisnya; iaitu, Kajian Teks (*text*), Praktik wacana (*discourse practice*), dan Praktik sosiobudaya (*sociocultural practice*). *Pertama*, setiap teks secara bersamaan memiliki tiga fungsi, iaitu, representasi, relasi, dan identiti. *Kedua*, praktik wacana meliputi cara para pekerja media memproduksi teks. *Ketiga*, praktik sosiobudaya menganalisis tiga perkara iaitu, ekonomi, politik, dan budaya.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa (1). Dalam pilihan raya 1997 Waspada berpihak kepada Golkar. Hal ini berlaku disebabkan kuatnya penguasaan Golkar. Dalam hal PDI pula, Waspada lebih menumpukan perhatian terhadap konflik yang terjadi antara Soerjadi dengan Megawati kerana Waspada lebih berpihak kepada Megawati. (2). Dalam pilihan raya 1999 Waspada berpihak kepada PDIP. Hal ini berlaku kerana, di samping adanya persamaan ideologi, terdapat hubungan yang erat antara pendirian Waspada dengan pendirian PDI(P). Waspada juga memberikan kritikan yang pedas terhadap Golkar. (3). Selain itu berlaku perubahan wacana Waspada, iaitu daripada berpihak kepada Golkar dalam pilihan raya 1997, bertukar pihak kepada PDIP pada pilihan raya 1999. (4). Pada pilihan raya 1997 Analisa telah berpihak kepada Golkar. Hal ini berlaku kerana wujudnya kekuasaan Golkar yang kuat. Dalam hal parti PDI, Analisa lebih banyak memberikan tumpuan terhadap konflik yang terjadi antara Soerjadi dengan Megawati. Analisa lebih berpihak kepada Megawati. (5). Pada pilihan raya 1999 pula Analisa berpihak kepada PDIP. Hal ini berlaku kerana sokongan umum terhadap PDIP terlalu kuat. Analisa mengkritik Golkar dengan menggunakan kepentingan umum sebagai landasan untuk menyatakan kebenarannya. (6). Akhirnya wujud perubahan wacana Analisa, iaitu daripada berpihak kepada Golkar pada pilihan raya 1997, menjadi berpihak kepada PDIP pada pilihan raya 1999.

**Newspaper's Discourse of Waspada and Analisa
In General Election's Campaign for Golkar and PDI(P) in 1997 and 1999
in Indonesia**

ABSTRACT

There were two general elections that took place under two different kind of political system in Indonesia. First, 1997 General Elections under the New Order Regime by its authoritarian political system and second in 1999 under the Reformasi system using Democracy as their fundamentals. The result of both elections in 1997 and 1999 showed that Golkar maintained its status quo but unexpectedly in 1999, this strong party was losing the votes over PDIP – a new comer. This research was conducted to explore the discourse of Waspada and Analisa's newspaper on the campaign of Golkar and PDI(P) during that particular general elections. The problem of this research is to examine how Waspada and Analisa's discourse were represented for the campaign of Golkar and PDI(P) during 1997 and 1999 General Election's in Indonesia. There are two main objectives of this study, first to find out more about Waspada and Analisa's discourse in representing the campaign of Golkar and PDI(P) during each elections. Second, to compare Waspada's discourse in 1997 and 1999 General Elections to Analisa's discourse.

This research used Norman Fairclough's (CDA) methodology with 3 dimensions of analysis: (1). Text; (2). Practical Discourse; (3). Sociocultural practice. First, each of the text has 3 functions, which is representation, relation, and identity. Second, practical discourse includes how media people produced the text. Third, sociocultural practices to analyze 3 main problems, i.e. economy, politics, and cultural practice.

The results of the study showed: (1). In general election 1997, Waspada was being pressured by Golkar to support the party. In particular, Waspada had spent more attention to Megawati who tended to be more popular than Soerjadi. (2). In General Election 1999, Waspada, however supported Megawati personally more than PDIP as an institutional party. On the other hand, Waspada had strongly criticized Golkar for many horrible political policies and actions during the New Order Regime period.(3). During this period, there were monumental change for Waspada which had to support Golkar in General Election 1997 to PDIP in General Election 1999. (4). In General Election 1997 Analisa stood by behind Golkar. This occurred because of Golkar's influences. Meanwhile, Analisa was focussing more on the issues between Megawati and Soerjadi, but in this case they were more sided towards Megawati. (5). In General Election 1999 Analisa drifted to Golkar side, as more supported PDIP. Analisa was being accused by Golkar using public issues to justify themselves. (6). In conclusion there was a clear change in Analisa supporting Golkar in General Election 1997 to supporting PDI in 1999.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
DAFTAR ISI	vii
DAFTAR JADUAL	xi
DAFTAR RAJAH	xii
DAFTAR LAMPIRANxiii
DAFTAR ISTILAH	xiv
 BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang kajian ..	2
1.3. Permasalahan Kajian	12
1.4. Tujuan Kajian	14
1.5. Kepentingan Kajian	15
1.6. Skop Kajian	15
1.7. Kerangka Analisis	17
1.8. Definisi Konsep	19
1.9. Sistematika Penulisan	21
 BAB DUA: PARADIGMA DAN TEORI KOMUNIKASI	
2.1. Pengenalan	23
2.2. Pengertian Paradigma	25
2.3. Pelbagai Paradigma	29
2.4. Paradigma dan Teori Komunikasi	34
2.5. Aliran Marxis Klasik	39
2.5.1. Teori Marxis Klasik	39
2.5.2. Teori Politik Ekonomi Media	41
2.6. Aliran Marxis Kritis	42
2.6.1. Teori Hegemoni Media	45
2.6.2. Aliran Frankfurt (Frankfurt School)	47
2.7. Media Dalam Perspektif Marxis Kritis	51
2.7.1. Paradigma Wacana	51
2.7.2. Pengertian Wacana	53
2.7.3. Wacana dan Teori Interaksionisme Simbolik	57
2.7.4. Wacana dan Media Massa	62
 BAB TIGA: KAJIAN LEPAS	
3.1. Pengenalan	69
3.2. Kajian Lepas	69
 BAB EMPAT: REJIM ORDE BARU DAN REJIM REFORMASI	
4.1. Pengenalan	84
4.2. Rejim Orde Baru	87

4.2.1. Sistem Politik Rejim Orde Baru	87
4.2.2. Partai Politik dan Pilihan raya-Pilihan raya Rejim Orde Baru	93
4.2.3. Akhbar Rejim Orde Baru	100
4.2.4. Hegemoni Negara	108
4.3. Rejim Reformasi	113
4.3.1. Sistem Politik Rejim Reformasi	113
4.3.2. Pilihan raya dan Partai Politik Rejim Reformasi	119
4.3.3. Akhbar Rejim Reformasi	122
4.4. Sejarah Golkar dan PDI(P)	126
4.4.1. Sejarah Golkar	126
4.4.2. Sejarah PDIP	131

BAB LIMA: METODE PENELITIAN

5.1. Pengenalan	135
5.2. Perkembangan Metode Penelitian Komunikasi	135
5.3. Metodologi Kajian	138
5.4. Akhbar Yang Dikaji	142
5.5. Kandungan Surat Kabar Yang Dikaji	143
5.6. Analisis Data	145
5.7. Deskripsi Akhbar Yang Dikaji	148
5.7.1. Surat Kabar Harian Waspada	148
5.7.1.1. Sejarah Ditubuhkan PT. Harian Waspada	148
5.7.1.2. Visi dan Misi Akhbar Waspada	150
5.7.1.3. Struktur Organisasi Akhbar Waspada	150
5.7.2. Deskripsi Akhbar Analisa	151
5.8.2.1. Sejarah Ditubuhkan Akhbar Analisa	151
5.8.2.2. Visi dan Misi Akhbar Analisa	152
5.8.2.3. Perkiraan Tiras Dan Pembaca Akhbar Analisa	154

BAB ENAM: ANALISIS KEMPEN GOLKAR DAN PDI(P) DI AKHBAR WASPADA DAN ANALISA PADA PILIHAN RAYA TAHUN 1997 DAN PILIHAN RAYA TAHUN 1999

6.1. Pengenalan	157
6.2. Analisis Teks Kempen Dalam Akhbar Waspada	158
6.2.1. Analisis Teks Kempen Golkar Pada Pilihan Raya 1997	158
6.2.1.1. Teks Kempen Golkar	158
6.2.1.2. Teks Kempen Golkar	162
6.2.1.3. Teks Kempen Golkar	166
6.2.1.4. Teks Kempen Golkar	170
6.2.1.5. Teks Kempen Golkar	175
6.2.1.6. Teks Kempen Golkar	179
6.2.1.7. Teks Kempen Golkar	182

6.2.2. Analisis Teks Kempen Golkar Pada Pilihan Raya 1999	186
6.2.2.1. Teks Kempen Golkar	186
6.2.2.2. Teks Kempen Golkar	190
6.2.2.3. Teks Kempen Golkar	194
6.2.2.4. Teks Kempen Golkar	198
6.2.2.5. Teks Kempen Golkar	202
6.2.2.6. Teks Kempen Golkar	206
6.2.2.7. Teks Kempen Golkar	210
6.2.3. Analisis Teks Kempen PDI Pada Pilihan Raya 1997	214
6.2.3.1. Teks Kempen PDI	214
6.2.3.2. Teks Kempen PDI	218
6.2.3.3. Teks Kempen PDI	222
6.2.3.4. Teks Kempen PDI	226
6.2.3.5. Teks Kempen PDI	230
6.2.3.6. Teks Kempen PDI	235
6.2.3.7. Teks Kempen PDI	238
6.2.4. Analisis Teks Kempen PDIP Pada Pemilu 1999	242
6.2.4.1. Teks Kempen PDIP	242
6.2.4.2. Teks Kempen PDIP	247
6.2.4.3. Teks Kempen PDIP	250
6.2.4.4. Teks Kempen PDIP	254
6.2.4.5. Teks Kempen PDIP	259
6.2.4.6. Teks Kempen PDIP	263
6.2.4.7. Teks Kempen PDIP	267
6.3. Analisis Teks Kempen Dalam Akhbar Analisa	272
6.3.1. Analisis Teks Kempen Golkar Pada Pilihan raya 1997	272
6.3.1.1. Teks Kempen Golkar	272
6.3.1.2. Teks Kempen Golkar	276
6.3.1.3. Teks Kempen Golkar	280
6.3.1.4. Teks Kempen Golkar	283
6.3.1.5. Teks Kempen Golkar	287
6.3.1.6. Teks Kempen Golkar	291
6.3.1.7. Teks Kempen Golkar	294
6.3.2. Analisis Teks Kempen Golkar Pada Pilihan raya 1999	298
6.3.2.1. Teks Kempen Golkar	298
6.3.2.2. Teks Kempen Golkar	303
6.3.2.3. Teks Kempen Golkar	306
6.3.2.4. Teks Kempen Golkar	310
6.3.2.5. Teks Kempen Golkar	313
6.3.2.6. Teks Kempen Golkar	316
6.3.2.7. Teks Kempen Golkar	320

6.3.3. Analisis Teks Kempen PDI Pada Pilihan raya 1997	323
6.3.3.1. Teks Kempen PDI	323
6.3.3.2. Teks Kempen PDI	328
6.3.3.3. Teks Kempen PDI	332
6.3.3.4. Teks Kempen PDI	336
6.3.3.5. Teks Kempen PDI	341
6.3.3.6. Teks Kempen PDI	344
6.3.3.7. Teks Kempen PDI	347
6.3.4. Analisis Teks Kempen PDIP Pada Pilihan raya 1999	351
6.3.4.1. Teks Kempen PDIP	351
6.3.4.2. Teks Kempen PDIP	356
6.3.4.3. Teks Kempen PDIP	360
6.3.4.4. Teks Kempen PDIP	363
6.3.4.5. Teks Kempen PDIP	367
6.3.4.6. Teks Kempen PDIP	371
6.3.4.7. Teks Kempen PDIP	375
6.4. Pembahasan	379
6.4.1. Akhbar Waspada	379
6.4.1.1. Pembahasan Kempen Golkar Pilihan Raya 1997	379
6.4.1.2. Pembahasan Kempen Golkar Pilihan Raya 1999	381
6.4.1.3. Pembahasan Kempen PDI Pilihan Raya 1997	383
6.4.1.4. Pembahasan Kempen PDIP Pilihan Raya 1999	385
6.4.2. Akhbar Analisa	387
6.4.2.1. Pembahasan Kempen Golkar Pilihan Raya 1997 /	387
6.4.2.2. Pembahasan Kempen Golkar Pilihan Raya 1999	389
6.4.2.3. Pembahasan Kempen PDI Pilihan Raya 1997.....	392
6.4.2.4. Pembahasan Kempen PDIP Pilihan Raya 1999	394
BAB TUJUH : KESIMPULAN DAN RUMUSAN	397
7.1. Pengenalan	397
7.2. Kesimpulan	397
7.3. Rumusan	406
7.3.1. Pembuktian Tujuan Penelitian	407
7.3.1.1. Wacana Waspada Pada Kempen Golkar	407
7.3.1.2. Wacana Waspada Pada Kempen PDI(P)	408
7.3.1.3. Wacana Analisa Pada Kempen Golkar	409
7.3.1.4. Wacana Analisa Pada Kempen PDI(P)	411
7.4. Implikasi Teori	412
7.5. Manfaat Praktis dan Sosial	415
DAFTAR PUSTAKA	417
LAMPIRAN-LAMPIRAN	427

DAFTAR JADUAL

Jadual 1.1. : Komposisi Perolehan Suara dan Jumlah Kerusi Pilihan Raya 1977	10
Jadual 1.2. : Komposisi Perolehan Suara dan Jumlah Kerusi Pilihan Raya 1999	12
Jadual 4.1. : Hasil Pilihan Raya 1971 dan Komposisi Keanggotaan Dalam Dewan Perwakilan Rakyat	95
Jadual 4.2. : Pilihan Raya Masa Orde Baru Tahun 1971-1997	98
Jadual 4.3. : Komposisi Perolehan Undi dan Jumlah Kerusi Pilihan Raya 1997	94
Jadual 4.4. : Daftar Akhbar Yang Dilarang Terbit Pada Peristiwa Malari 1974	101
Jadual 4.5. : Komposisi Perolehan Undi dan Jumlah Kerusi Pilihan Raya 1999	109
Jadual 5.1. : Pembagian Tiras Harian Analisa Di Daerah Masing-masing	154
Jadual 5.2 : Pembahagian Segmen Pembaca Harian Analisa Setiap Hari	155
Jadual 5.3 : Profil Sumber Daya Manusia Harian Analisa Berdasarkan Peringkat Pendidikan	155
Jadual 6.1. : Formasi Kajian Wacana Surat Kabar, Partai Politik, dan Pilihan Raya ..	157

DAFTAR RAJAH

Rajah 1.1. : Kerangka Analisis Wacana Akhbar Waspada dan Analisa Pada Pilihan Raya 1997 dan Pilihan Raya 1999	19
Rajah 2.1. : Hubungan Perspektif, Persepsi, dan Tindakan	26
Rajah 2.2. : Ringkasan Teori Sosiologi Sebagai Ilmu Multi Paradigma	33
Rajah 2.3. : Paradigma dan Teori	37
Rajah 4.1.: Perbandingan Simbol Ideologi Rejim Orde Lama dan Rejim Orde Baru	109
Rajah 5.1. : Analisis Wacana	142
Rajah 5.2 : Deskripsi Akhbar Yang Diteliti	143
Rajah 5.3: Partai Politik dan Ideologi	144
Rajah 5.4: Akhbar, Parti Politik, dan Pilihan Raya Yang Dikaji	144
Rajah 5.5: Analisis Wacana Norman Fairclough	147

DAFTAR LAMPIRAN

Lampiran A	: Jadual Sistem Politik	425
Lampiran B	: Wacana Waspada Pada Kempen Golkar	426
	Wacana Waspada Pada Kempen PDI(P)	426
Lampiran C	: Wacana Analisa Pada Kempen Golkar	427
	Wacana Analisa Pada Kempen PDI(P)	427
Lampiran D	: Panduan Wawancara Mendalam Untuk SK. Waspada	428
Lampiran E	: Panduan Wawancara Mendalam Untuk SK. Analisa	431
Lampiran F	: Transkrip Wawancara Dengan Waspada	434
Lampiran G	: Transkrip Wawancara Dengan Analisa	454
Lampiran H	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1997 Golkar di Waspada ...	476
Lampiran I	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1999 Golkar di Waspada. ...	479
Lampiran Y	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1997 PDI di Waspada	481
Lampiran K	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1999 PDIP di Waspada	483
Lampiran L	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1997 Golkar di Analisa	486
Lampiran M	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1999 Golkar di Analisa	489
Lampiran N	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1997 PDI di SK Analisa	492
Lampiran O	: Dokumen Berita Kampanye Pemilu 1999 PDIP di SK Analisa ..	494
Lampiran P	: Foto Wawancara Dengan Waspada	497
Lampiran Q	: Foto Wawancara Dengan Analisa	498

DAFTAR ISTILAH

ABG	: Angkatan, Birokrasi dan Golongan.
ABRI	: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
AD	: Angkatan Darat
APBN	: Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara
ASINTEL	: Asisten Intelejen
ASOSPOL	: Asisten Sosial Politik
CALEG	: Calon Legislatif.
CAPRES	: Calon Presiden
DANDIM	: Komandan Kodim
DANPOM	: Komandan Polisi Militer
DANREM	: Komandan Korem
DPC	: Dewan Pimpinan Cabang
DPD	: Dewan Pimpinan Daerah.
DPP	: Dewan Pimpinan Pusat.
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah.
FKPPI	: Forum Komunikasi Putra-Putri Purnawirawan Indonesia.
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka.
GBHN	: Garis Besar Haluan Negara.
GOLPUT	: Golongan Putih
GPK	: Gerakan Pengacau Keamanan.
GUBSU	: Gubernur Sumatera Utara.

G-30 S	: Gerakan Tiga Puluh September.
GNOTA	: Gerakan Nasional Orang Tua Asuh.
HAM	: Hak Azasi Manusia
HMI	: Himpunan Mahasiswa Islam.
HUT	: Hari Ulang Tahun
IJTI	: Ikatan Jurnalis Televisi Indonesia.
IRAMASUKA	: Irian, Maluku, Sulawesi, Kalimantan
ISA	: Ideological State Apparatus.
JURDIL	: .Jujur dan Adil.
JURKAMNAS	: Juru Kampanye Nasional.
KABAG	: Kepala Bagian
KAKANSOSPOL	: Kepala Kantor Sosial Politik.
KAPOLDASU	: Kepala Polisi Daerah Sumatera Utara.
KAPOLRES	: Kepala Polisi Resort.
KAPOLSEK	: Kepala Polisi Sektor.
KAPOLWILTABES	: Kepala Polisi Wilayah Kota Besar.
KINO	: Kelompok Induk Organisasi
KKN	: Kolusi Korupsi Nepotisme.
KODIM	: Komando Daerah Militer.
KOL. INF.	: Kolonel Infantri.
KOPKAMTIB	: Komando Operasional Pemulihan Keamanan dan Ketertiban.
KOSTRAD	: Komando Strategis Angkatan Darat
LP	: Lembaga Pemasyarakatan.
LPU	:Lembaga Pemilihan Umum.

LUBER	: Langsung, Umum, Bebas, dan Rahasia
MAYJEN	: Mayor Jenderal
MKGR	: Musyawarah Kerja Gotong Royong.
MPR	: Majelis Permusyawaratan Rakyat
MPRS	: Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara.
NAPOL	: Narapidana Politik
NKRI	: Negara Kesatuan Republik Indonesia.
OPP	: Organisasi Peserta Pemilu
PAC	: Pengurus Anak Cabang.
PAMSUNG	: pengamanan langsung
PAMTAKSUNG	: Pengamanan Tidak Langsung.
PANGDAM	: Panglima Daerah Militer.
PANWASLAK	: Panitia Pengawas Pelaksanaan
PDI	: Partai Demokrasi Indonesia
PDIP	: Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan.
PELITA	: Pembangunan Lima Tahun.
PEMILU	: Pemilihan Umum.
PJP	: Pembangunan Jangka Panjang.
PKI	: Partai Komunis Indonesia.
PNI	: Partai Nasional Indonesia.
PNS	: Pegawai Negeri Sipil.
POLEKSOSBUD	: Politik, Ekonomi, Sosial, dan Budaya
POLRI	: Kepolisian Republik Indonesia.
PPI	: Panitia Pemilihan Indonesia.

PPP	: Partai Persatuan Pembangunan
PPS	: Panitia Pemungutan Suara.
PWI	: Persatuan Wartawan Indonesia
RCTI	: Rajawali Citra Televisi Indonesia.
RSA	: Represip State Apparatus.
SATGAS	: Satuan Tugas.
SCTV	: Surya Citra Televisi Indonesia.
SDM	: Sumber Daya Manusia.
SEKBER	: Sekretariat Bersama.
SEKDES	: Sekretaris Desa.
SGP	: Serikat Grafika Pers
SI	: Sidang Istiwewa
SIT	: Surat Ijin Terbit
SIUPP	: Surat Ijin Usaha Penerbitan Pers
SMU	: Sekolah Menengah Umum
SOKSI	: Serikat Organisasi Kekayaan Seluruh Indonesia
SSK	: Serikat Surat Kabar.
SUPERSEMAR	: Surat Perintah Sebelas Maret
SUMUT	: Sumatera Utara.
TAKESTRA	: Tabungan Kesejahteraan rakyat.
TAPOL	: Tahanan Politik.
TNI	:Tentara Nasional Indonesia
UU	: Undang Undang
UUD	: Undang Undang Dasar.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini menjelaskan latar belakang wacana akhbar Waspada dan Analisa dalam menyiarkan berita kempen-kempen parti politik Golongan Karya (Golkar), Parti Demokrasi Indonesia (PDI), dan Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP) dalam menghadapi pilihan raya. Dua kali pilihan raya di Indonesia diselenggarakan dengan latar belakang politik yang sangat berbeza iaitu, pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya tahun 1999.

Pilihan raya 1997 diselenggarakan pada penghujung berkuasanya rejim Orde Baru, sebagai rejim yang menerapkan Sistem Komunikasi Autoritarian. Menjelang pilihan raya 1997, Golkar dan Parti Demokrasi Indonesia, melakukan kempen. Kempen kedua-dua parti politik ini, diwacanakan oleh akhbar Waspada dan Analisa. Hasilnya, pilihan raya dimenangi oleh Golkar. Pilihan raya tahun 1999 pula diselenggarakan pada awal berkuasanya Rejim Reformasi. Rejim reformasi merupakan rejim yang menerapkan Sistem Komunikasi Demokratik. Menjelang pilihan raya 1999, Golkar dan Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan melakukan kempen. Kempen kedua-dua parti politik ini, diwacanakan oleh akhbar Waspada dan Analisa. Hasilnya, pilihan raya telah dimenangi oleh Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan. Selanjutnya, merujuk perbincangan di atas, dijelaskan masalah kajian ini, skop kajian, tujuan dan kepentingan kajian, serta kerangka analisis kajian.

1.2. Latar Belakang Kajian

Pergantian rejim penguasa daripada Rejim Orde Baru kepada Rejim Reformasi di Indonesia terjadi pada bulan 1988 Mei, pada masa yang sama menjadi dasar penentu bagi pergantian pelbagai aspek sosial dan politik yang ada di Indonesia. Jika rejim Orde Baru yang selama berkuasa menerapkan sistem politik autoritarian maka rejim Reformasi menggantikannya dengan sistem politik demokrasi. Perubahan sistem politik yang begitu drastik tersebut sudah tentu membawa kesan terhadap pelbagai bidang kehidupan sosial politik masyarakat.

Sistem politik ialah seperangkat interaksi yang diabstraksikan daripada totaliti peri laku sosial melalui nilai-nilai yang disebarkan bagi satu masyarakat. Satu sistem politik harus mempunyai kemampuan untuk mempertahankan kehidupan (*viability*), langgeng dan berlanjutan serta mempunyai dorongan alamiah (*propensity*), bertahan (*persisting*), dalam segala keadaan lingkungan yang menekannya, (Rahman, A. 2001: 6). Hal ini memperlihatkan adanya dinamika dalam bentuk interaksi antara sesama anggota masyarakat dan secara bersamaan mendiseminasikan nilai-nilai politik yang ada dalam sistem politik. Dinamika ini, selanjutnya akan membentuk identiti, batas-batas atau ruang lingkup yang akan menjelaskan kewujudan sistem politik tersebut. Manakala pendapat lainnya menyatakan bahawa sistem politik ialah sebahagian daripada sistem sosial yang menjalankan pembahagian nilai-nilai (dalam bentuk keputusan-keputusan atau kebijaksanaan-kebijaksanaan), pembahagiannya bersifat otoritatif (iaitu, dikuatkan oleh kekuasaan yang sah) dan Pembahagian yang otoritatif itu mengikat seluruh masyarakat, (Mas'ood dan Colin, 1981: xi). Hal ini menjelaskan bahawa proses berlangsungnya pembahagian nilai-nilai dalam satu sistem politik adalah secara lebih terperinci. Pembahagian nilai-nilai yang disebarkan melalui interaksi sosial, akhirnya

akan mewujudkan keputusan atau kebijaksanaan. Selanjutnya, pembahagian nilai-nilai yang dikuatkan oleh kekuasaan yang sah sehingga mempunyai kekuatan yang mengikat seluruh masyarakat.

Menurut Gabriel A. Almond, proses dalam sistem politik bermula dengan masuknya “*input*” ; iaitu yang berupa sokongan (*support*) politik, atau berupa tuntutan (*demand*) politik yang diartikulasikan (atau dinyatakan oleh kelompok kepentingan) dan selanjutnya diagregasikan (atau dipadukan) oleh parti-parti politik. Pada tahap agregasi ini, kepentingan-kepentingan khusus itu disusun dalam bentuk skala keutamaan dan selanjutnya dijadikan satu cadangan kebijaksanaan yang lebih umum. Skala keutamaan kepentingan ini dimasukkan ke dalam proses pembuatan kebijaksanaan. Hal ini dilakukan oleh badan kehakiman dan eksekutif. Pada tahap ini, input diubah menjadi output dan disebut sebagai tahap peralihan. Tahap pembuatan kebijaksanaan inilah yang dinamakan keseluruhan proses politik. Kebijaksanaan yang diputuskan, selanjutnya dilaksanakan oleh birokrasi dan kesungguhan pelaksanaannya, dijamin oleh fungsi penghakiman yang dijalankan oleh badan pengadilan. Dalam setiap tahap proses politik tersebut, berjalan juga fungsi-fungsi lainnya seperti, fungsi sosialisasi politik; komunikasi politik dan rekrutmen politik turut berlaku, (Mas’oed dan Colin, 1981: 27-30). (Lihat, Lampiran A)

Interaksi dan pengagihan yang berlangsung dalam sistem politik, pada gilirannya akan membentuk struktur politik. Struktur politik dapat didefinisikan sebagai “satu pola interaksi yang dianggap sah, dengan mempertahankan dan memelihara tatamasyarakat”. Secara keseluruhannya, struktur sistem politik dapat dibahagikan kepada dua bahagian besar; iaitu, *infrastruktur politik* dan *suprastruktur politik*. Pada posisi *infrastruktur politik*, ada kelompok kepentingan atau kelompok penekan, seperti organisasi massa,

organisasi keagamaan, organisasi profesional, perguruan tinggi, akhbar, dan lain-lain, manakala pada *suprastruktur politik* ada badan kehakiman, badan eksekutif (yang dibantu oleh polis dan tentera) dan badan keadilan. Dinamika sistem politik ditentukan oleh fungsi-fungsi yang mendasarinya iaitu, fungsi sosialisasi politik; komunikasi politik; dan rekrutmen politik. Sebagai satu sistem, wujud interaksi antara pelbagai subsistem yang ada, berdasarkan fungsi-fungsi mereka. Hal ini juga turut berlaku dengan sistem politik.

Satu sistem politik dapat dibahagikan kepada dua bahagian besar iaitu, bahagian yang terdiri daripada fungsi-fungsi bukan negara (*Non-State*) dan fungsi-fungsi negara (*State*). Fungsi bukan negara meliputi fungsi-fungsi artikulasi dan agregasi kepentingan; manakala fungsi negara meliputi pembuatan kebijaksanaan, penerapan kebijaksanaan dan pengawasan kebijaksanaan. Sifat-sifat interaksi daripada pelbagai subsistem politik tidak selalu sama, melainkan ditentukan oleh fahaman politik yang dianuti oleh sistem politik yang berkaitan. Ertinya, ada perbezaan sifat interaksi pada sistem politik yang berlandaskan fahaman demokrasi, berbanding yang berlandaskan fahaman autoritarian.

Fahaman demokrasi ialah fahaman yang mengutamakan kepentingan rakyat. O'Donnell dan Schmitter (1993: 8) menyatakan bahawa, "Demokrasi mencakupi hak untuk mendapatkan perlakuan yang sama dengan orang lain berkenaan dengan penentuan pilihan-pilihan bersama dan kewajiban pihak yang bertanggungjawab melaksanakan pilihan tersebut untuk bertanggungjawab dan membuka ruang terhadap seluruh rakyat."¹ Manakala syarat-syarat yang mendasar bagi pemerintahan yang

¹ Semenjak fahaman demokrasi muncul, telah berkembang sebanyak tujuh belas model demokrasi. Dari ketujuh belas model tersebut menunjukkan adanya perbezaan-perbezaan dalam dalam pengertian demokrasi. Akan tetapi satu faktor selalu saja ada; iaitu, kesempatan bagi masyarakat untuk turut serta

demokratik, ialah: (1) Perlindungan konstitusional. (2) Badan hukum yang bebas dan tidak memihak. (3) Pilihan raya yang bebas. (4) Kebebasan untuk menyatakan pendapat. (5) Kebebasan berorganisasi dan beroposisi. (6) Pendidikan kewarganegaraan, (Budiardjo, M. 1982: 60). Syarat-syarat demokrasi ini, memperlihatkan adanya dua pihak yang saling berinteraksi iaitu, rakyat dan negara. Dalam interaksi ini, rakyat ditempatkan pada kedudukan yang utama, berhadapan dengan negara sebagai yang lemah. Namun, dalam pelaksanaan kedudukan kedua-duanya tidak statik melainkan ada dinamika yang membuat kekerapan interaksinya menjadi bersifat relatif. Dengan demikian, dapat diandaikan bahawa rakyat paling sedikit sama kuat, ataupun juga lebih kuat daripada pemerintah. Apabila terjadi posisi pemerintah lebih kuat daripada rakyatnya, biasanya yang terjadi ialah sistem politik yang autoritarian. Seandainya, pemerintah yang lebih kuat tersebut menyelenggarakan sistem politik yang demokratik, dapat dikatakan bahawa demokrasi ini hanyalah merupakan demokrasi pinjaman. Hal ini bermakna apabila pemerintah berasa kurang berkenan dengan demokrasi yang diberikan, maka dia dengan mudah menariknya kembali, (Budiman, A. 1996: 39). Dengan demikian dapat dikatakan bahawa sistem politik yang demokratik merupakan sistem yang memiliki kemampuan untuk mengambil kira pelbagai aspirasi, sama ada ia berupa tuntutan (demand) atau sokongan (support) politik yang berkembang dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat yang majmuk; sama ada majmuk secara horizontal iaitu yang meliputi pelbagai aspek primordialisme yang ada, seperti aspek-aspek etnisiti, agama, bahasa, kedaerahan, dan lain-lain, atau secara vertikal pada struktur sosial, ekonomi dan politik. Kemajmukan ini, meliputi pelbagai organisasi kemasyarakatan,

dalam proses pengambilan keputusan politik, (lihat, David Held, "Models of Democracy", London, UK, Polity Press, 1990).

organisasi keagamaan, organisasi profesional, perguruan tinggi, lembaga khidmat masyarakat, termasuk akhbar, dan lain-lain. Kewujudan dan juga independensinya dalam seluruh proses politik mesti diakui. Semua perkara ini yang akan menyokong prinsip utama fahaman demokrasi. Iaitu demokrasi yang semestinya memberikan jaminan bahawa setiap warga negara memiliki akses yang sama dalam proses pengambilan dasar, pelaksanaan kebijaksanaan, dan penilaian kebijaksanaan politik.

Bentuk interaksi (*struktur*) antara subsistem daripada sistem politik dapat juga digunakan untuk menjelaskan bentuk interaksi dengan akhbar sebagai satu bahagian sistem politik dengan bahagian-bahagian yang lainnya. Ada empat bentuk sistem akhbar yang berhubungan dengan sistem politik; iaitu, Sistem Akhbar Autoritarian (*The Authoritarianism Press*), Sistem Akhbar Komunis (*The Communism Press*), Sistem Akhbar Liberal (*The Libertarianism Press*), dan Sistem Akhbar Tanggungjawab Sosial (*The Social Responsibility Press*), (Siebert, et al , 1986).² Bagi sistem politik authoritarian, sistem akhbar yang berlaku ialah Sistem Akhbar Autoritarian. Melalui sistem ini, sebahagian akhbar dikuasai oleh negara, akan tetapi pihak swasta (*bukan negara*), juga masih dibolehkan untuk memilikinya. Namun dalam pelaksanaannya, aktiviti akhbar diawasi oleh negara. Pengawasan dilakukan dengan tujuan menjaga agar aktiviti akhbar tidak bertentangan atau bahkan membahayakan kepentingan negara.

² Berkenaan dengan sistem akhbar ini, William Hachten mengajukan lima bentuk: (1). Konsep Otoritarian, (2). Konsep Barat (Libertarian dan Tanggung Jawab Sosial), (3). Konsep Komunis, (4). Konsep Revolusioner, (5). Konsep Developmental, lihat Dedy Djameluddin Malik, Jalaluddin Rakhmat, dan Mohammad Shoelhi (Editor), (1993), "Komunikasi Internasional", Bandung, P.T. Remaja Rosdakarya, hal. 21-35. Sementara itu, dengan mengkaji aktiviti media di beberapa negara, diajukan tiga model media dan politik, iaitu: (1). Mediteranean or Polarized Pluralist Model – France; Greece; Italy; Portugal; Spain; (2). Northern European or Democratic Corporatist Model – Austria; Belgium; Denmark; Finland; Germany; Netherlands; Norway; Sweden; Switzerland; (3). North Atlantic or Liberal Model – Britain; United States; Canada; Ireland. Daniel C. Hallin & Paolo Mancini, (2004), "Comparing Media Systems: Three Models Of Media and Politics", Cambridge University Press, hal 66-86.

Akhbar yang melakukan penyimpangan akan dikenai denda, sama ada berupa peringatan atau henti operasi. Sistem Akhbar Komunis pula, pihak swasta tidak dibenarkan sama sekali untuk menguasai akhbar. Seluruh institusi akhbar dikuasai dan bahkan ditempatkan sebagai bahagian (*organik*) dari negara. Dengan demikian, fungsi akhbar adalah benar-benar sebagai “corong atau terompet” bagi kepentingan negara. Manakala Sistem Akhbar Liberal, negara tidak lagi turut campur tangan dalam kehidupan akhbar. Akhbar benar-benar bebas daripada gangguan negara, sehingga menjadi sesuatu yang logik jika kemudian kehidupan akhbar dikuasai oleh kepentingan para pemiliknya (*pengusaha akhbar*). Sementara, pada Akhbar Tanggungjawab Sosial, memperlihatkan kemunculan kekuatan masyarakat umum sebagai pihak yang berkepentingan dalam menggunakan akhbar untuk mengawasi aktiviti akhbar, sehingga tidak merugikan mereka. Untuk itu, diperlukan adanya kesedaran dan kemampuan masyarakat umum, sama ada ia sebagai individu mahupun kelompok untuk mengkritik aktiviti akhbar (*Media Literacy*).³

Dalam sistem politik yang demokratik, kedudukan akhbar adalah sebagai kelompok kepentingan atau kelompok penekan, bersama-sama dengan organisasi-organisasi massa lainnya melakukan fungsi artikulasi kepentingan.⁴ Selanjutnya,

³ Media literacy adalah satu perspektive yang kita pergunakan secara aktif semasa mengkonsumsi media dan menterjemahkan makna dari message yang disampaikan. Pada saat itu kita akan menggunakan struktur pengetahuan yang kita miliki sebagai perspektif. Untuk membangun struktur pengetahuan, kita memerlukan peralatan dan bahan-bahan. Dalam hal ini, sebagai peralatan adalah keahlian kita; manakala sebagai bahan-bahan adalah informasi yang kita peroleh daripada media dan juga daripada dunia nyata ini. Menggunakan perspektif secara aktif maksudnya ialah bahawa kita menguasai message yang disampaikan media dan “dalam keadaan sadar” semasa berinteraksi dengannya. lihat, W. James Potter, (2001), “Media Literacy” (second edition), Sage Publication, Thousand Oaks, London, New Delhi. hal. 4.

⁴ Fungsi komunikasi massa *pertama*, Fungsi Pengawasan (*The Surveillance of The Environment*), yakni sebagai pengumpul dan penyumbang informasi mengenai peristiwa-peristiwa yang berlangsung di lingkungan, sama ada di dalam mahupun di luar (Fungsi Informasi); *kedua*, Fungsi Korelasi (*The Correlation of The Part of Society In Responding to The Environment*), yakni menginterpretasikan informasi tentang lingkungan dan penggunaannya terhadap peristiwa-peristiwa tersebut. (*Fungsi*

kepentingan yang diartikulasikan tersebut diagregasikan oleh parti-parti politik dalam bentuk skala keutamaan terhadap sesuatu dasar kebijaksanaan. Secara keseluruhan, berlangsungnya proses ini diharapkan sebagai perubahan daripada kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Selanjutnya, dalam proses pembuatan dasar yang dilakukan oleh badan perundangan dan eksekutif, dan proses pengawasan dalam melaksanakan dasar oleh badan keadilan, akhbar melakukan fungsi pengawasan mereka. Pada posisi inilah, akhbar berperanan sebagai kekuatan keempat daripada negara atau sebagai *The Fourth Estate Press*. Maksudnya, akhbar sebagai badan yang keempat, berada pada posisi yang setara dengan tiga badan negara lainnya, yang dalam hal ini direpresentasikan oleh badan legislatif, badan eksekutif, dan badan judikatif.

Perbincangan tersebut, memperlihatkan bahawa kewujudan akhbar tidak dapat dilepaskan daripada lingkungan mereka, termasuk antaranya adalah sistem sosial politik yang ada di sekitarnya. Hachten William (1993: 22):

“Akhbar dan media massa selalu berfungsi di mana-mana, dalam pelbagai bentuk pemerintahan, masyarakat, dan lapangan ekonomi. Bahkan sistem akhbar yang “paling tidak terikat” atau paling bebas pun harus sejalan dengan tingkah keanekaragaman peraturan yang dikeluarkan pihak penguasa. Dalam hubungan antara pemerintah dan komunikasi massa, pertanyaan mendasar bukan apakah pemerintah mengawal akhbar, melainkan seberapa jauh luasnya kawalan itu sendiri. Sebab, semua sistem akhbar berada pada satu kontinum dengan pengawasan penuh (autoritarianisme) pada satu sisi, sampai pada pengawasan yang relatif longgar (lebertarianisme) pada sisi yang lain. Kebebasan menyatakan pendapat yang mutlak adalah mitos. Di atas segalanya, pengawasan terhadap akhbar demikian beragam dan rumit, sehingga sulit, jika tidak mungkin, untuk membandingkan kebebasan akhbar di satu negara dengan kebebasan akhbar di negara lain. Pada satu negara, akhbar mungkin di bawah pembatasan politik yang kasar dan semena-mena; di negara lain, akhbar mungkin di bawah pembatasan badan hukum dan ekonomi yang lebih halus tetapi nyata”.

Persuasi); ketiga, Fungsi Transmisi Warisan Sosial (*The Transmission of The Social Heritage from One Generation To The Next*); iaitu, mengkomunikasikan pengetahuan, nilai-nilai, norma-norma sosial dari satu generasi ke generasi berikutnya, mahupun kepada anggota-anggota di dalam satu kelompok. (*Fungsi Edukasi*); keempat, Fungsi Hiburan (*Entertainment*); iaitu, menghibur, melepaskan diri daripada rutinitas kehidupan (*Fungsi Hiburan*), lihat, H.D. Lasswell, “The Structure and Function of Communication In Society”, dalam, W. Schramm, “Mass Communication”, University of Illinois Press, Urbana, 1960.

Andaian dasar analisis tersebut, memperlihatkan bahawa semua sistem akhbar ternyata merupakan pencerminan daripada sistem politik dan ekonomi sesebuah negara. Meskipun kecenderungannya sudah mengarah ke bentuk-bentuk internasionalisme, namun sistem cetak dan elektronik masih berjalan dalam struktur kesatuan politik nasional mereka. Tarik menarik kepentingan antara pelbagai kekuatan politik, terutamanya antara akhbar dengan negara, pengusaha, dan masyarakat umum. Karakter hubungan tersebut sangat bergantung kepada sistem politik yang berlaku di sekitar akhbar. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa kelangsungan akhbar sangat bergantung kepada sistem politik sesebuah negara.

Rejim Orde Baru, yang menerapkan Sistem Akhbar Autoritarian, negara melakukan pengawasan yang ketat terhadap akhbar. Hal ini untuk menjamin kelangsungan kekuasaan negara melakukan pengawasan terhadap aktiviti akhbar sehingga kebebasan (*eksistensi*) mereka menjadi terganggu. Pengawasan terhadap akhbar menggunakan regulasi yang dibuat untuk kepentingan tersebut. Ia bergantung kepada interpretasi kekuasaan negara. Dengan keadaan yang sedemikian itu, maka arus informasi yang dibawakan oleh akhbar lebih banyak berlangsung daripada atas ke bawah (*top down flow information*), dan mengabaikan realiti informasi yang berkembang di tataran bawah yang seharusnya diangkat ke atas (*bottom up flow information*). Keadaan tersebut, menimbulkan adanya perbezaan antara realiti umum dengan realiti akhbar. Sebagai akibatnya, akhbar menghadapi banyak kesulitan ketika mereka dituntut untuk melakukan fungsi-fungsi yang dimilikinya, khususnya fungsi-fungsinya terhadap masyarakat. Manifestasi daripada situasi yang sedemikian itu dapat dilihat pada isi media massa yang cenderung seragam, iaitu memberikan lebih banyak ruang dan masa

yang tersedia bagi kepentingan kekuasaan. Ia lebih mengutamakan informasi yang bersifat politik, kualiti isi yang rendah, dan lain-lain.

Sistem akhbar yang sedemikian itu, dalam rejim Orde Baru menyelenggarakan pilihan raya di penghujung kekuasaannya, iaitu pada tahun 1997. Pilihan raya ini diikuti oleh tiga parti politik yang ada pada masa tersebut iaitu, Golkar (Golkar), Parti Persatuan Pembangunan (PPP) dan Parti Demokrasi Indonesia (PDI). Gambaran hasil perolehan suaranya, seperti berikut:

Jadual 1.1.

**Komposisi Perolehan Suara dan Jumlah Kerusi
Pilihan raya 1977**

Nama Parti Politik	Perolehan Suara (%)	Jumlah Kerusi
Golkar	74.54	325
PPP	22.43	89
PDI	03.07	11

Sumber: Azhar I. 1997: xii.

Hasil pilihan raya tersebut, memperlihatkan bahawa parti Golkar memperoleh 74.54% suara yang tampil sebagai pemenang, diikuti oleh PPP dengan 22.43% suara, dan PDI dengan 03.07% suara.

Rejim Reformasi menerapkan Sistem Akhbar Tanggung Jawab Sosial. Dengan demikian proses komunikasi yang berlangsung lebih mengutamakan keseimbangan antara arus informasi dari bawah ke atas (*Buttom up flow communication*), dengan proses komunikasi dari atas ke bawah (*Top down flow communication*). Kedua-dua bentuk proses komunikasi tersebutlah, akhbar mempunyai posisi yang sangat strategik. Akhbar menjadi representasi daripada dukungan mahupun tuntutan yang berkembang

dalam masyarakatnya. Akhbar akan memilih bentuk-bentuk tuntutan dan sokongan yang berkembang di sekitar mereka untuk disalurkan ke dalam proses pembuatan dasar. Selain itu, akhbar juga menjadi sarana untuk menguar-uarkan dasar-dasar yang diambil bagi masyarakat, pada masa yang sama berperanan dalam mengawasi pelaksanaan daripada dasar-dasar yang dibuat.

Pada awal kewujudannya, gejala yang kemudian muncul adalah Sistem Akhbar Liberal. Pada sistem ini, negara sama sekali tidak ikut campur dalam aktiviti akhbar, sehingga kebebasan berakhbar dapat berlangsung dengan lebih baik. Berkurangnya campur tangan pemerintah dalam kehidupan akhbar, bukan bererti kebebasan akhbar sudah dapat diperolehi. Kenyataannya, kekuatan lain yang kemudian muncul dalam menentukan kelangsungan akhbar adalah kekuatan para pengusaha akhbar (kadang-kadang disebut sebagai “para juragan akhbar” sama ada ia “juragan tempatan mahupun multi-nasional”). Sebahagian besar akhbar yang strategik telah menjadi milik mereka. Keadaan tersebut, memberi kelonggaran bagi para pengusaha akhbar untuk menentukan warna akhbar. Isi akhbar menjadi lebih mementingkan aspek-aspek perniagaan mereka. Misalnya, untuk menentukan kualifikasi isi akhbar adalah berdasarkan kedudukannya, iaitu jumlah banyaknya pembaca, pendengar, mahupun pembaca akhbar.

Berdasarkan sistem akhbar yang sedemikian itu, rejim Reformasi menyelenggarakan pilihan raya di awal kekuasaannya, iaitu pada tahun 1999. Pilihan raya ini diikuti oleh 48 parti politik. Namun antaranya, Golkar, PPP, dan PDIP masih tetap wujud dan tampil sebagai parti lama yang mengikuti pilihan raya ini. Hasilnya, seperti berikut:

Jadual 1.2.

Komposisi Perolehan Suara dan Jumlah Kerusi Pilihan Raya 1999

Nama Parti Politik	Perolehan Suara (%)	Jumlah Kerusi
Golkar	24.00	120
PPP	11.80	59
Parti Demikrasi Indonesia Perjuangan	30.80	154
Jumlah *)	66.60	333

*) Baki suara dan kerusi selebihnya diperolehi parti-parti yang baru muncul
Sumber: Azhar I. 1997: 89; Benedanto P., 1999: 89

Perubahan komposisi perolehan undi berlaku berbanding pilihan raya tahun 1997, PDIP tampil dengan 30.80% suara, diikuti Golkar 24.00% suara, dan PPP 11.80% suara. Selebihnya, 33.40% suara tersebar di sebanyak 45 parti politik peserta pilihan raya yang baru.

1.3. Permasalahan Kajian

Pada bulan Mei 1998, terjadi perubahan rejim yang berkuasa di Indonesia, iaitu dari Rejim Orde Baru yang berorientasikan sistem politik autoritarian; kepada Rejim Reformasi yang berorientasikan sistem politik demokrasi. Selanjutnya perubahan sistem politik tersebut ternyata berimplikasi terhadap sistem komunikasi yang berlaku di kedua-dua rejim tersebut. Rejim Orde Baru menerapkan Sistem Akhbar Autoritarian maka Rejim Reformasi menerapkan Sistem Akhbar Tanggung Jawab Sosial, dengan masa transisi Sistem Akhbar Liberal.

Kedua-dua sistem akhbar tersebut, masing-masing telah menyelenggarakan pilihan raya. Masa rejim Orde Baru, dengan Sistem Akhbar Autoritariannya, menyelenggarakan pilihan raya pada tahun 1997. Pilihan raya kali ini, adalah merupakan pilihan raya yang terakhir bagi rejim Orde Baru. Hasilnya, Golkar tampil sebagai pemenang dengan mengalahkan PPP dan PDI. Masa rejim Reformasi, pilihan raya diselenggarakan pada tahun 1999, PDIP tampil sebagai pemenang dengan mengalahkan Golkar dan PPP. Pilihan raya kali ini, adalah merupakan pilihan raya yang pertama bagi rejim Orde Baru.

Kajian ini, membataskan parti politik yang dikaji, iaitu Golkar dan PDI(P). Golkar sebagai parti politik yang berkuasa penuh semasa rejim Orde Baru dan selalu tampil sebagai pemenang dalam pilihan raya-pilihan raya semasa itu, namun ianya mengalami kekalahan pada pilihan raya 1999. Kemenangan PDIP pada pilihan raya 1999 mengungguli Golkar dan PPP adalah sesuatu yang sangat menarik. Bagaimana mungkin, PDIP yang selama ini merupakan parti politik yang paling lemah, dapat tampil sebagai pemenang pada pilihan raya 1999. Adakah perubahan sistem akhbar yang melatar belakangi pilihan raya 1997 dan pilihan raya 1999 mempengaruhi kemenangan tersebut. Adakah perubahan sistem akhbar berpengaruh terhadap aktiviti media massa dalam pilihan raya-pilihan raya tersebut. Adakah perubahan sistem akhbar mempengaruhi wacana akhbar dalam kempen parti politik Golkar dan PDI(P) pada pilihan raya 1997 dan pilihan raya 1999.

Seterusnya, masing-masing pilihan raya tersebut, selama tiga minggu sebelum hari pemungutan suara, kedua-dua parti politik menyampaikan kempen politik mereka. Kempen dilakukan dengan menggunakan pelbagai jenis media massa, antaranya adalah akhbar. Kajian ini akan melihat wacana akhbar Waspada dan Analisa dalam melaporkan

kempen parti politik Golkar dan PDI iaitu, pada pilihan raya tahun 1997 dan juga melaporkan kempen parti politik Golkar dan PDIP pilihan raya tahun 1999.

Berdasarkan perbincangan di atas, muncul satu permasalahan yang akan dibincangkan dalam kajian ini iaitu, “Bagaimanakah akhbar Waspada dan Analisa mewacanakan kempen parti politik Golkar dan PDI pada pilihan raya tahun 1997 dan kempen parti politik Golkar dan PDIP pada pilihan raya tahun 1999 ?.

1.4. Tujuan Kajian

Merujuk kepada masalah kajian di atas, maka yang menjadi tujuan kajian ini, adalah:

1. Mengenal pasti wacana Waspada dalam pemberitaan kempen parti politik Golkar pada kempen pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya 1999.
2. Mengenal pasti wacana Waspada dalam pemberitaan kempen parti politik PDI pada pilihan raya 1997 dan PDIP pada pilihan raya 1999.
3. Mengenal pasti pergeseran wacana Waspada pada pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDI pada pilihan raya tahun 1997 dengan pemberitaan kempen parti politik Golkar dengan PDIP pada kempen pilihan raya tahun 1999.
4. Mengenal pasti wacana Analisa dalam pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDI pada kempen pilihan raya tahun 1997.
5. Mengenal pasti wacana Analisa dalam pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDIP pada kempen pilihan raya tahun 1999.
6. Mengenal pasti pergeseran wacana Analisa dalam pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDI pada pilihan raya tahun 1997 dengan kempen parti

politik Golkar dan PDIP pada kempen pilihan raya tahun 1999.

1.5. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan manfaat, sekurang-kurangnya bagi dua hal pokok:

1. Kajian ini akan memperkaya dalam khazanah ilmu pengetahuan, khususnya ilmu komunikasi di Indonesia dengan penggunaan Analisis Wacana Kritik yang masih relatif baru.
2. Kajian ini akan memberikan manfaat bagi perkembangan kehidupan akhbar dalam mengelola pemberitaan kempen pilihan raya, sama ada kempen pilihan raya di bawah sistem politik autoritarian, mahupun kempen pilihan raya di bawah sistem politik demokrasi.

1.6. Skop Kajian

Dalam pilihan raya 1997, tiga parti politik yang turut serta iaitu parti politik PPP, Golkar, dan PDI. Namun pada kajian ini, yang akan diteliti dan dibatasi hanya pada dua parti politik sahaja iaitu, Golkar dan PDI. Walaupun pada pilihan raya 1999, terdapat 48 buah parti politik yang turut serta di dalamnya. Namun pada kajian ini, yang akan diteliti juga dibatasi pada dua parti politik saja; iaitu, Golkar, dan PDIP.

Pemilihan kedua-dua parti politik ini, dilakukan dengan mempertimbangkan beberapa hal, seperti pertama, pada pilihan raya 1997 Golkar boleh diposisikan sebagai parti pemerintah atau penguasa dan PDI sebagai parti pembangkang; manakala pada pilihan raya 1999, Golkar sebagai parti *pro status quo*, dan PDIP sebagai *parti reformis* yang mewakili perubahan, kedua, Golkar dan PDI(P) selalu tampil sebagai dua kekuatan

politik yang selalu mengambil posisi konfrontasi di setiap pilihan raya yang diselenggarakan sejak masa rejim Orde Baru. Ketiga, kedua-duanya memiliki ideologi yang cukup berbeza. Golkar dengan kekaryaannya, manakala PDI(P) dengan nasionalismenya, dan keempat, Golkar selalu tampil sebagai pemenang, dengan perolehan suara majoriti dalam setiap pilihan raya sejak pilihan raya 1972 hingga pilihan raya 1997; namun pada pilihan raya 1999, Golkar perolehan suaranya dikalahkan oleh PDI P.

Kajian ini meneliti wacana akhbar Waspada dan akhbar Analisa dalam melaporkan kempen yang oleh parti politik Golkar dan PDI pada pilihan raya 1997. Selanjutnya juga akan mengkaji wacana Waspada dan Analisa dalam melaporkan kempen yang dilakukan oleh parti politik Golkar dan PDIP pada Pilihan raya 1999. Pemilihan kedua-dua akhbar Waspada dan Analisa, dilakukan dengan mempertimbangkan beberapa hal, seperti pertama, Waspada dan Analisa memiliki orientasi yang berbeza. Waspada memiliki orientasi nasionalisme dan agama, manakala Analisa lebih berorientasi perniagaan. Kedua, pada masa Rejim Orde Baru yang autoritarian telah menimbulkan kecenderungan adanya keseragaman isi akhbar, sama ada pada akhbar nasional mahupun akhbar daerah. Ertinya, ada kesamaan pada semua isi akhbar, sama ada isu nasional mahupun tempatan. Ketiga, pada masa Rejim Reformasi yang demokratik, timbul gejala menguatnya aspirasi masyarakat di daerah. Realiti ini akan lebih mudah diselidiki tentang akhbar daerah.

Dasar komunikasi yang dikaji, adalah wacana pemberitaan kempen yang dilakukan oleh Golkar dan PDI(P). Pemberitaan kempen tersebut akan dianalisis menerusi tiga peringkat; iaitu, pertama, wacana yang ada pada teks berita Waspada dalam memberitakan kempen parti politik Golkar dan PDI(P), dalam pilihan raya tahun

1997, dan pilihan raya tahun 1999. Selanjutnya, wacana yang terkandung dalam teks berita Analisa dalam memberitakan kempen parti politik Golkar dan PDI(P) dalam pilihan raya tahun 1997, dan pilihan raya tahun 1999. Kedua, realiti institusi Waspada semasa memproduksi wacana kempen parti politik Golkar, dan PDI(P), pada pilihan raya tahun 1997, dan pilihan raya tahun 1999. Selanjutnya, realiti institusi Analisa semasa memproduksi wacana kempen parti politik Golkar dan PDI(P) dalam pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya tahun 1999. Ketiga, realiti sosial budaya yang menjadi latar belakang daripada proses produksi wacana Waspada pada kempen parti politik Golkar, dan PDI(P) pada pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya 1999. Selanjutnya, realiti sosial budaya yang menjadi latar belakang proses produksi wacana Analisa pada kempen parti politik Golkar dan PDI(P) pada pilihan raya tahun 1997 dan pilihan raya 1999.

1.7. Kerangka Analisis

Kajian ini akan menelusuri dua rejim politik yang pernah wujud dan masing-masing menerapkan sistem politik yang berbeza. Rejim Orde Baru menerapkan sistem politik autoritarian dan Rejim Reformasi dengan sistem politik demokrasi. Pada penghujung kekuasaannya, dalam tahun 1977, rejim Orde Baru menyelenggarakan pilihan raya terakhirnya. Pada pilihan raya ini, Golkar tampil sebagai pemenang, diikuti oleh PPP, dan PDI. Rejim Reformasi memulakan kekuasaannya pada tahun 1998. Rejim ini, menyelenggarakan pilihan raya pertamanya pada tahun 1999. Pilihan raya ini, diikuti oleh 48 buah parti politik antaranya Golkar, PPP, dan PDI sebagai parti lama masih ikut sebagai pesertanya. Pada pilihan raya ini, PDIP tampil sebagai pemenang, diikuti Golkar

dan PPP. Perubahan perolehan suara yang eksklusif pada kedua-dua pilihan raya tersebut, khususnya antara Golkar dengan PDIP.

Setiap penyelenggaraan pilihan raya sudah tentu diselenggarakan juga kempen. Setiap kempen, masing-masing parti politik menggunakan pelbagai saluran komunikasi, antaranya akhbar. Kajian ini akan menelusuri keterlibatan dua akhbar daerah iaitu, Analisa dan Waspada, yang turut digunakan oleh Golkar dan PDI (P) pada kempen pilihan raya 1997 dan pilihan raya 1999. Kajian terhadap akhbar Analisa dan Waspada menggunakan tiga peringkat analisis iaitu, analisis teks, analisis praktik wacana, dan analisis praktik sosial budaya. Berikut rajah kerangka analisis pengajian ini:

Rajah 1.1.

Kerangka Analisis Wacana Akhbar Waspada dan Analisa Pada Pilihan Raya 1997 dan Pilihan Raya 1999

Sistem Politik Autoritarian (Rejim Orde Baru)		Sistem Politik Demokratik (Rejim Reformasi)	
Pilihan Raya 1997	Media Massa	Pilihan Raya 1999	
Parti Politik Golkar dan PDI.	Akhbar Waspada dan Analisa	Parti Politik Golkar dan PDIP.	
Kempen Pilihan raya 1997	<i>Praktik Sosial-Budaya</i> situasional, institusional, dan sosial (Studi Pustaka) <i>Praktik Wacana</i> Pribadi dan jaringan kerja wartawan, serta pola kerja organisasinya (Wawancara Mendalam) <i>Teks</i> representasi, relasi, dan identiti. (Analisis Teks)	Kempen Pilihan raya 1999	

1.8. Definisi Konsep

Pengkajian ini berjudul, Wacana Akhbar Waspada dan Analisa Dalam Kempen Parti Politik Golkar dan PDI(P) pada Pilihan Raya Tahun 1997 dan Tahun 1999, di

Indonesia. Dari judul tersebut dapat ditarik beberapa konsep yang saling bertautan, dan mendasarinya, di antaranya adalah pilihan raya, parti politik, wacana akhbar.

Pilihan raya merupakan salah satu ciri yang penting bagi negara yang menganut faham demokrasi. Pilihan raya dilakukan sebagai bagian dari proses rekrutmen pemimpin-pemimpin politik. Dalam pilihan raya, setiap orang yang mempunyai hak memilih, memiliki kebebasan untuk memilih pemimpin-pemimpin politik yang mereka kehendaki. Pada tahap awal, para calon pemimpin politik tersebut terlebih dahulu diajukan oleh parti politik yang ada. Selanjutnya, parti politik – yang memerlukan dukungan yang sebanyak-banyaknya daripada masyarakat -- bersama-sama dengan para calon pemimpin politik yang diajukan melakukan kempen. Tujuan utama daripada kempen adalah untuk menarik simpati para pemilih (constituent) mereka. Dengan demikian, kempen adalah merupakan salah satu cara persaingan di antara parti politik dan para calon pemimpin politik yang ada untuk merebut simpati dan sokongan pemilih. Masing-masing mereka berharap untuk mendapatkan jumlah suara yang terbanyak dalam pilihan raya yang dilaksanakan nantinya.

Dalam melakukan kempen selalunya semua saluran komunikasi digunakan secara maksimal. Diantaranya adalah menggunakan media akhbar. Materi kempen sebagai kandungan akhbar dapat dilihat dari dua sudut pandang. Kempen dapat dilihat sebagai teks, sementara dari sudut pandang yang lain kempen dapat juga dilihat sebagai wacana. Kempen sebagai teks merupakan bahagian daripada bidang kebahasaan; sedangkan kempen sebagai wacana dapat dikatakan sebagai bahagian daripada bidang sosial yang lebih luas, seperti bidang kebudayaan, ekonomi, politik, dan lain-lain; yang berkaitan dengannya. Ertinya, melalui pendekatan wacana, media akhbar tidak diertikan sebagai lembaga yang netral melainkan ianya juga memiliki kepentingan, khususnya

berkaitan dengan wacana yang dibawanya. Dengan perkataan lain, dibalik kandungan akhbar terdapat kepentingan mereka. Akhbar boleh saja berpihak kepada salah satu calon pemimpin politik, parti politik, pemilik media, pemerintah, masyarakat luas, dan lain-lain. Akhbar juga boleh mendapat tekanan dari salah satu calon pemimpin, parti politik, pemilik media, pemerintah, masyarakat luas, dan lain-lain. Semua itu, baik keberpihakan maupun tekanan, dan lain-lainnya, dapat diketahui melalui wacana yang mereka buat.

Akhbar *Waspada* dan *Analisa* merupakan akhbar lokal yang terbit secara berkala di Kota Medan. Kedua akhbar ini mempunyai orientasi yang berbeza. *Waspada* merupakan akhbar yang tertua di daerah ini, dan ianya berorientasi nasionalis dan agamis. *Analisa* sebagai akhbar yang lebih muda daripada *Waspada* berorientasi moderat dan mengutamakan kepentingan bisnis. Pembaca kedua akhbar ini, sebahagian besar daripadanya adalah masyarakat Kota Medan dan sebahagian lainnya masyarakat Propinsi Sumatera Utara. Kedua akhbar ini boleh mencerminkan realiti pada Pilihan Raya 1997 dan Pilihan Raya 1999 melalui wacana pemberitaan kempen mereka.

1.9. Sistematika Penulisan

Laporan ini mengkaji wacana yang ada dalam akhbar *Waspada* dan akhbar *Analisa* dalam memberitakan aktiviti kempen; yang dilakukan oleh parti politik Golkar sama ada PDI pada pilihan raya 1997, dan parti politik Golkar sama ada PDIP pada pilihan raya 1999. Untuk keperluan tersebut, kandungan laporan dibagi ke dalam tujuh bab.

Bab Satu, terdiri dari beberapa bagian, iaitu Latar Belakang Kajian yang menguraikan alas an-alasan logis dan rasional dilakukannya pengkajian ini. Selanjutnya

berturut-turut dikemukakan, Permasalahan Kajian, Tujuan Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Kajian, Kerangka Analisis, Definisi Konsep, dan Sistematika Penulisan. Pada Bab Dua, berisikan penjelasan mengenai Paradigma yang menjadi rujukan kajian ini, baik paradigma yang berlaku pada ilmu-ilmu social lainnya, maupun paradigam yang ada di dalam ilmu komunikasi. Berdasarkan pada paradigma ini, ditentukan teori-teori komunikasi yang relefan, seperti Teori Marxis Klasik, Teori Politik Ekonomi Media, Aliran Marxis Kritis, Teori Hegemoni Media, Aliran Frankfurt (Frankfurt School), Media Dalam Perspektif Marxis Kritis, Pengertian Wacana, Wacana dan Teori Interaksionisme Simbolik, dan Wacana dan Media Massa

Bab Tiga, berisikan Kajian Lepas yaitu mengumpulkan berbagai penelitian yang relefan dengan kajian ini yang sudah dilakukan sebelumnya. Berdasarkan pada kajian lepas ini bahwa belum ada penelitian yang dilakukan yang sama dengan pengkajian ini. Bab Empat, menjelaskan latar belakang sosial politik dari kajian ini, iaitu realitas politik dan komunikasi yang ada pada Rejim Orde Baru, sama ada realitas politik dan komunikasi yang ada pada Rejim Reformasi. Pada bab ini dijelaskan juga mengenai pilihan raya, parti politik, dan kehidupan akhbar di kedua-dua rejim tersebut.

Bab Lima, menjelaskan metode penelitian yang digunakan pada kajian ini, iaitu metode Analisis Wacana Kritis (Critical Discourse Analysis). Bab Enam, berisikan analisis data. Data yang dianalisis adalah pemberitaan kempen parti politik Golkar dan PDI pada Pilihan Raya 1997 dan Pilihan Raya 1999. Bab Tujuh, berisikan Kesimpulan dari kajian ini. Selanjutnya, berturut-turut adalah Rumusan, Pembuktian Tujuan Penelitian, Implikasi Teori, dan terakhir Manfaat Praktis dan Sosial dari kajian ini.

BAB DUA

PARADIGMA DAN TEORI KOMUNIKASI

2.1. Pengenalan

Ilmu komunikasi bersifat terbuka dengan pendekatan multi disiplin (*Multi Disciplinary Approach*). Sifat terbuka ini memberikan peluang yang luas bagi ilmu-ilmu lainnya untuk saling melengkapi. Ada banyak ilmu yang memberi sumbangan terhadap ilmu komunikasi, seperti sosiologi, antropologi, politik, ekonomi dan lain-lain. Bentuk sumbangan tersebut tidak sebatas konsep mahupun teori, bahkan hingga pada tahap paradigma.

Berkaitan dengan kajian ini, paradigma yang digunakan sebahagian besar daripada sosiologi. George Ritzer,(1980) mengemukakan tiga paradigma. Iaitu, paradigma fakta sosial dengan tokoh utamanya Emile Durkheim, paradigma definisi sosial dengan tokoh utamanya Max Weber, dan paradigma perilaku sosial dengan tokoh utamanya B.F. Skinner. Severin dan Tankard, (1979) mengemukakan empat paradigma ilmu komunikasi. Menurutnya, paradigma paling awal adalah Teori Peluru (*Bullet Theory*), yang lazim juga disebut dengan *Hypodermic Needle Model*, atau *The Transmission Belt Theory*. Pada tahap berikutnya disebut dengan Model Kesan Terbatas (*The Limited Effects Model*). Model ini memperlihatkan terjadinya perubahan pada fokus kajian komunikasi iaitu, daripada kajian tentang media massa, mesej dan komunikator (pada tahap Teori Peluru) kepada kajian mengenai audiens. Selanjutnya, Model Kesan Sederhana (*The Moderate Effects Model*). Model ini, kondisi-kondisi yang ada pada media massa dan juga kondisi-kondisi yang ada pada audiens, diperhitungkan di dalam setiap proses komunikasi. Terakhir adalah Model Kesan Yang Kuat (*The*

Powerfull Effects Model). Ini, sekalipun masih meragukan namun daripada beberapa penelitian, ditemukan bahwa media massa ternyata memiliki kemampuan yang kuat dalam mempengaruhi audiens.

Kajian ini menggunakan pemikiran Karl Marx, khususnya Kritikan Marxis. Menurut McQuail, (1994) Teori Media Marxis memiliki lima cabang; iaitu,: Pertama, Marxis Klasik (*Classical Marxism*). Di sini media massa dipandang hanyalah sebagai alat daripada kelas dominan dan juga sarana bagi kapitalis untuk mendapatkan keuntungan. Kedua, Teori Ekonomi Politik Media (*Political-Economic Media Theory*). Dalam perspektif ini, isi media adalah merupakan barang dagangan yang dijual ke pasar; manakala informasi yang disebarluaskan, disesuaikan dengan tuntutan pasaran. Ketiga, teori-teori aliran *Frankfurt School*. Ia menempatkan media sebagai sarana untuk mengkonstruksi budaya (*Constructing culture*). Media berperanan sebagai sarana untuk memanipulasi terbentuknya imej yang menguntungkan bagi kelas dominan. Keempat, teori Hegemoni (*Hegemonic Theory*). Hegemoni merupakan situasi, adanya dominasi ideologi dan cara berfikir yang palsu pada situasi yang nyata. Ideologi bukan sesuatu yang dipaksakan, akan tetapi diperoleh tanpa disedari. Kelima, pendekatan Sosial Budaya (*Sociocultural Approach*), juga disebut dengan “*cultural studies*”. *Cultural studies*, menempatkan masyarakat sebagai satu ruang iaitu, terjadinya persaingan gagasan yang bertujuan memenangkan pemaknaan.

Aliran Marxis menempatkan media sebagai ruang umum (*public sphere*); iaitu, semua kekuatan sosial politik bersaing untuk memenangkan pemaknaan yang berhubung kait dengan satu isu. Ertinya, struktur kekuatan sosial politik yang ada pada masyarakat, manifestasinya dapat ditemui dalam kandungan media. Sistem komunikasi authoritarian pula, isi media cenderung didominasi oleh kekuatan negara (*state*). Kandungan media

cenderung berpihak kepada kepentingan negara. Sebaliknya, pada sistem komunikasi tanggung jawab sosial, ia didominasi kekuatan non-negara (*non-state*). Kandungan media cenderung berpihak kepada kepentingan masyarakat.

2.2. Pengertian Paradigma

Bagi memahami Wacana Kritis (*Critical Discourse*), sama ada dalam hal pengertian, metode dan juga posisinya di dalam ilmu komunikasi, terlebih dahulu kita perlu memahami dasar pemikiran yang melatarbelakanginya iaitu, mengenai paradigma. Beberapa definisi paradigma yang dikemukakan rakan seperti berikut: R. Friedrichs, mengatakan bahawa paradigma adalah sebagai satu pandangan mendasar daripada satu disiplin ilmu tentang perkara yang menjadi pokok persoalan (*Subject matter*) yang semestinya dipelajari oleh ilmu yang berkaitan, (*a fundamental image a discipline has of its subject matter*). Manakala, bagi Thomas Kuhn, paradigma sebagai keseluruhan susunan kepercayaan, nilai-nilai serta teknik-teknik yang sama-sama diguna pakai oleh komuniti ilmuwan tertentu. Bagi mendapatkan pengertian yang komprehensif, G. Ritzer (1980) mengembangkan pengertian paradigma daripada Thomas Kuhn ini dan menyatakan bahawa: “Paradigma adalah gambaran fundamental mengenai masalah utama dalam ilmu tertentu. Paradigma membantu dalam menentukan perkara yang mesti dikaji, pertanyaan yang semestinya diajukan, cara mengajukannya dan peraturan yang harus diikuti dalam menafsirkan jawapan yang diperolehi. Paradigma adalah unit konsensus terluas dalam bidang ilmu tertentu dan membantu membezakan satu komuniti ilmiah (atau subkomuniti) tertentu daripada komuniti ilmiah yang lain. Paradigma menggolongkan, menetapkan dan menghubungkan contoh, teori, metode dan instrumen yang ada di dalamnya”,(Ritzer G, dan Goodman DJ, 2005: A-13; Ritzer G., 1980: 7).

Paradigma menurut Bogdan dan Biklen, (1982: 32) adalah kumpulan longgar daripada sejumlah andaian yang dipegang bersama, konsep atau proposisi yang mengarahkan cara berfikir dan penelitian, (Moleong L.J., 1993: 30).

Dengan demikian paradigma akan membantu dalam merumuskan tentang perkara yang harus dipelajari, persoalan-persoalan yang mesti dijawab, cara seharusnya menjawabnya, serta peraturan-peraturan yang harus diikuti, dalam menginterpretasikan informasi yang dikumpulkan dalam rangka menjawab persoalan-persoalan yang ada. Hal ini bermaksud, pemikiran-pemikiran yang berorientasikan paradigmatis akan mengandungi konsekuensi terhadap objektiviti, sistematika dan juga metodologi daripada satu disiplin ilmu.

Ada beberapa istilah yang selalu digunakan yang pengertiannya dianggap sama dengan paradigma, seperti “perspektif”, “*school of thought*”, “*weltanschauung*”, dan lain-lain. Erti perspektif sama dengan persepsi. Namun, Charon menyebutkan bahawa perspektif itu bukan persepsi, melainkan pemandu bagi persepsi kita. Perspektif mempengaruhi perkara yang kita lihat dan cara kita menafsirkan perkara yang kita lihat. Perspektif adalah seperti “*kaca mata*” yang kita pakai untuk melihat. Hubungan perspektif, persepsi, dan tindakan sebagai berikut:

Rajah 2.1.
Hubungan Perspektif, Persepsi, dan Tindakan

Perspektif	Kerangka konseptual Perangkat andaian Perangkat nilai Perangkat gagasan	Mempengaruhi persepsi kita	Mempengaruhi tindakan dalam situasi
------------	--	----------------------------	-------------------------------------

Sumber: Mulyana D., 2001: 7

Perkembangan paradigma berlangsung seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuannya. Dengan kata lain, perkembangan ilmu pengetahuan akan memungkinkan kepada lahirnya satu paradigma yang baru, perspektif baru, pokok persoalan baru, metodologi baru, dan lain-lain yang juga baru. Menurut Thomas Kuhn, perkembangan ilmu pengetahuan tidak berlangsung secara akumulasi, tetapi melalui proses evolusi dengan tahap-tahap tertentu yang semakin membesar. Proses perkembangan dapat dijelaskan melalui tahap seperti berikut (Ritzer G., 1990: 3).

**Paradigm I → Normal Science → Anomalies →
Crisis → Revolution → Paradigm II**

Pada tahap awal, satu ilmu menerima kebenaran satu paradigma (Paradigma I). Artinya di dalam ilmu tersebut, andaian-andaian mengenai kebenaran-kebenarannya, yang berhubung kait dengan objektiviti, teori, metode, sistematika, dan lain-lain, yang ada secara keseluruhan merujuk kepada paradigma tersebut. Fasa inilah yang dimaksudkan dengan Kondisi Ilmu yang Normal (*Normal science.*) Selanjutnya, melalui penelitian dan diskusi yang dilakukan oleh para ilmuwan akan menghasilkan hal-hal baru yang sebahagian di antaranya, membetulkan atau mengkritik kebenaran daripada paradigma I tersebut. Keadaan ini akan menimbulkan kebimbangan terhadap kebenaran daripada paradigma I. Inilah yang disebut dengan fasa Kebimbangan (*Anomalies*). Penelitian dan diskusi berikutnya akan meningkatkan kebimbangan yang ada sehingga menimbulkan krisis (*Crisis*) kepercayaan terhadap kebenaran paradigma I. Akhirnya, dalam ilmu tersebut muncul kebenaran-kebenaran yang baru, berkaitan objektiviti, teori, metode, sistematika, dan lain-lain yang secara keseluruhan andaiannya bertentangan

secara diametral dengan paradigma I. Inilah yang disebut dengan revolusi (*Revolution*) dan selanjutnya melahirkan paradigma II. Berikutnya, paradigma II akan kembali mengalami tahap perkembangan paradigma sebagaimana yang dialami oleh paradigma I.

Merujuk kepada definisi-definisi dan juga perkembangan ilmu pengetahuan di atas, beberapa hal patut dicatat yaitu pertama, keyakinan yang luas yang ditujukan kepada pokok persoalan daripada disiplin ilmu tersebut. Maksudnya adalah keyakinan sekelompok ilmuwan yang menjadi pengikut daripada paradigma tertentu. Sekelompok ilmuwan tersebut, pada hakikatnya akan berbeza dengan keyakinan sekelompok ilmuwan lainnya yang memiliki keyakinan yang berbeza mengenai pokok persoalan yang ada. Sekalipun perbezaan antara mereka memiliki konsekuensi terjadinya perbezaan dalam hal objektiviti, sistematika dan metode keilmuan mereka. Padahal mereka semua berada di bawah satu disiplin ilmu yang sama.⁴ Kedua, pokok persoalan (*subject matter*) satu paradigma adalah berbeza dengan paradigma lainnya bahkan perbezaan tersebut bersifat garis pusat. Ketiga, oleh sebab pokok persoalan yang berbeza, maka teori masing-masing paradigma juga berbeza-beza. Bahkan boleh dikatakan bahawa paradigma adalah merupakan pengelompokan teori berdasarkan pokok persoalan yang sama daripada paradigma yang banyak. Keempat, metode perbezaan pokok persoalan dan teori sudah tentu membawa konsekuensi terhadap perbezaan metode; begitu juga halnya dengan yang kelima, yaitu sistematika.

⁴ Untuk memahami realiti ini perlu merujuk pendapat Masterman yang membahagi paradigma kepada 3 kategori; iaitu, (1). Paradigma metafizik (*Metaphysical paradigm*), yang merupakan konsensus terluas dalam satu disiplin ilmu yang membantu membatasi bidang (*scope*) dari satu ilmu sehingga membantu mengarahkan komuniti ilmuwan dalam melakukan penyelidikan. (2). Paradigma Sosiologik (*Sociological paradigm*), yang sama dengan contoh; iaitu, hasil-hasil perkembangan ilmu pengetahuan yang diterima secara umum. (3). Paradigma konstruk (*Construct paradigm*), adalah konsep yang paling sempit daripada ketiga-tiga jenis paradigma seperti pembangunan reaktor nuklear sebagai paradigma dalam ilmu nuklear; model, carta/skema, dan sebagainya. Keyakinan para ilmuwan tersebut paling menonjol adalah pada kategori paradigma metafizik. Lihat, (Ritzer G., 1980: 4-6).

2.3. Pelbagai Paradigma

Ada bermacam-macam paradigma, tetapi yang mendominasi ilmu pengetahuan adalah *scientific paradigm* (paradigma keilmuan, namun untuk memudahkannya penulis menterjemahkannya secara tersurat sebagai paradigma ilmiah), dan *naturalistic paradigm* atau paradigma alamiah. Paradigma ilmiah bersumber daripada pandangan positivism (logik), manakala paradigma alamiah bersumber daripada pandangan fenomenologi. Huraian ringkas kedua-dua paradigma dikemukakan oleh Bogdan dan Taylor, (1975: 2) seperti berikut: Positivisme berakar pada pandangan teori Auguste Comte dan Emile Durkheim pada abad 19 dan awal abad ke 20. Para positivis mencari fakta dan penyebab fenomena sosial, dan kurang mempertimbangkan keadaan subjektif individu. Durkheim menyarankan kepada para ahli ilmu pengetahuan sosial untuk mempertimbangkan “fakta sosial” atau “fenomena sosial” sebagai “sesuatu” yang memberikan pengaruh dari luar atau memaksakan pengaruh tertentu terhadap perilaku manusia. Paradigma alamiah bersumber mula-mula daripada pandangan Max Weber yang diteruskan oleh Irwin Duetcher, dan yang lebih dikenali dengan pandangan fenomenologi. Fenomenologi berusaha memahami perilaku manusia daripada segi kerangka berfikir mahupun cara bertindak seseorang. Bagi mereka, yang penting ialah kenyataan yang terjadi seperti yang dibayangkan atau difikirkan oleh orang-orang itu sendiri, (Moleong LJ., 1993: 30-31).

Guba dan Lincoln pula mengemukakan tipologi yang mencakupi 4 (empat) paradigma: “*Positivism*”, “*Postpositivism*”, “*Critical Theories*”, dan “*Constructivism*” dengan masing-masing berimplikasikan metodologi tersendiri. Tetapi sejumlah ilmuwan sosial lain melihat *Positivism* dan *Postpositivism* boleh disatukan sebagai *Classical Paradigm*. Ini kerana di dalam prakteknya implikasi metodologi kedua-duanya

tidak jauh berbeza. Justeru, untuk kepentingan mempermudah bahasan tentang implikasi metodologi daripada satu paradigma, maka teori-teori dan penelitian ilmiah komunikasi cukup dikelompokkan kepada 3 (tiga) paradigma, iaitu: (1) *Classical Paradigm* (yang mencakupi *Positivism* dan *Postpositivism*). (2) *Critical Paradigm*. (3) *Constructivism Paradigm*, (Hidayat DN., 2000).

Sosiologi dikenali juga sebagai ilmu yang memiliki banyak paradigma. Menurut Horton PB. dan Hunt CL., (1987: 16-20) yang menggunakan istilah perspektif untuk paradigma, mengemukakan 4 (empat) perspektif; iaitu, Perspektif Evolucionis, Perspektif Interaksionis, Perspektif Fungsionalis, dan Perspektif Konflik, (Horton PB. dan Hunt CL., 1987: 16-20). Berbeza dengan Horton, Poloma, (1992: 1-18) membahagikan sosiologi kepada tiga perspektif; iaitu, *Perspektif Naturalis* atau *Positivis*, *Perspektif Humanis* atau *Interpretatif*, dan *Perspektif Evaluatif* atau *Terapan*. Manakala di dalam sosiologi telah berkembang tiga bentuk paradigma yang secara asasnya berbeza antara yang satu dengan lainnya; iaitu, Paradigma Fakta Sosial (*Social Fact Paradigm*), Paradigma Definisi Sosial (*Social Definition Paradigm*) dan Paradigma Perilaku Sosial (*Social Behavior Paradigm*), (Ritzer G., 1980: 24; Poloma MM., 1992: 1-18).

Selanjutnya perbezaan yang sangat jelas dalam andaian dasar para ahli sosiologi yang berhubung kait dengan pokok permasalahan dan implikasinya terhadap metode-metode penelitiannya. Hal mendasar yang membezakan mereka, adalah pertama, fakta sosial. Model paradigma fakta sosial ialah karya Emile Durkheim, khususnya buku *The Rules of Sociological Method*, dan *Sucide*. Para pengikut paradigma ini memfokuskan diri kepada fakta-fakta sosial, atau institusi-institusi dan struktur-struktur sosial berskala besar. Mereka ini tidak hanya memfokuskan diri kepada

fenomenanya sahaja, namun juga kesannya kepada pemikiran dan tindakan individu. Ahli teori fungsional struktural cenderung melihat fakta-fakta sosial sebagai hubungan yang rapi dan susunan dipertahankan melalui konsensus umum. Ahli teori konflik cenderung menekankan ketidak-teraturan antara fakta sosial lainnya, selain pandangan bahawa susunan dipertahankan melalui kekuatan-kekuatan yang berkerjasama dalam masyarakat. Meskipun teori fungsionalisme struktural dan teori konflik merupakan teori-teori dominan dalam paradigma ini, namun masih terdapat teori yang lain, termasuk teori sistem. Kini, dalam teori fungsionalisme struktural dan konfliklah yang menekankan idea bahawa fakta sosial adalah benar, atau sekurang-kurangnya dapat diperlakukan sebagai hal yang benar; bahkan fakta sosial tersebut sekurang-kurangnya dapat disamakan dengan fakta individu, yang benar-benar pasti. Fakta sosial tidak dapat dikurangkan ke fakta individu, fakta sosial memiliki realitinya sendiri. Struktur sosial dan institusi sosial merupakan salah satu antara fakta sosial yang mendapat perhatian khusus daripada para ahli sosiologi. Teori-teori yang termasuk ke dalam paradigma ini, seperti Teori Fungsionalisme, Teori Struktural, Teori Konflik dan Teori Sistem

Kedua, paradigma definisi sosial, model pemersatunya adalah karya-karya Max Weber dan juga Talcot Parsons mengenai tindakan sosial. Karya Weber membantu mengarahkan perhatian pada definisi-definisi sosial dalam cara para pelaku sosial mendefinisikan situasi-situasi sosial mereka dan kesan daripada definisi-definisi sosial itu dalam mempertahankan tindakan dan interaksi. Paradigma definisi sosial menekankan pada hakikat atau bahan daripada kenyataan sosial, yang lebih bersifat subjektif dan individu. Pada perkembangan teorinya, misalnya teori interaksionisme simbolik mereka sepakat untuk menggunakan dasar-dasar daripada paradigma definisi sosial. Teori ini memiliki pandangan bahawa kenyataan sosial mestinya didasarkan

kepada definisi subjektif individu dan interpretasinya. Manakala struktur sosial mahupun institusi sosial, merupakan definisi bersama yang dimiliki oleh individu yang berhubungan dengan bentuk-bentuk yang sesuai dan yang menghubungkannya antara yang satu dengan yang lain. Tindakan-tindakan individu serta pola-pola interaksinya dibimbing atau diarahkan oleh definisi bersama yang serupa, yang dikonstruksi melalui satu interpretasi. Teori-teori yang termasuk ke dalam paradigma ini, seperti Teori Tindakan, Teori Interaksionisme Simbolik, Teori Fenomenologi, Teori Etnometodologi dan Teori Eksistensialisme.

Ketiga, paradigma perilaku sosial menekankan pendekatan objektif empirik terhadap kenyataan sosial. Menurut paradigma ini, data empirik mengenai kenyataan sosial hanyalah perilaku-perilaku individu yang nyata (*overt behavior*). Penjelasan mengenai perilaku individu yang nyata itu hanya mungkin dilakukan dalam hubungannya rangsangan lingkungan tertentu, yang dapat diukur secara empirik. Pendekatan ini, terutama dikembangkan dalam psikologi perilaku, bukan sosiologi, terutama diwakili oleh Skinner. Tetapi prinsip-prinsip dasarnya dikembangkan oleh Homans yang memperluasnya pada perilaku dalam pertukaran antara peribadi. Homans berusaha menghubungkan antara individu dengan tingkat-tingkat sosial. Teori-teori yang termasuk ke dalam paradigma ini, seperti Teori Sosiologi Behavioral, Teori Pertukaran. Rajahnya seperti yang berikut (Soeprapto R., 2002: 91).

Rajah 2.2.
Ringkasan Teori Sosiologi
Sebagai Ilmu Multi Paradigma

No	PARADIGMA	PANDANGAN	TOKOH	TEORI
1	Paradigma Fakta Sosial	Memfokuskan diri pada fakta-fakta, atau institusi-institusi dan struktur-struktur sosial berskala besar	Emile Durkheim	Teori Fungsionalisme. Teori Struktural Teori Konflik Teori Sistem
2	Paradigma Definisi Sosial	Mengarahkan perhatian pada definisi-definisi sosial dalam cara pelaku sosial mendefinisikan situasi-situasi sosial mereka dan kesan dari definisi-definisi sosial tersebut	Max Weber	Teori Tindakan Teori Interaksionisme Simbolik Teori Fenomenologi Teori Etnometodologi Teori Eksistensialisme
3	Paradigma Perilaku Sosial	Imbalan-imbalan yang mengundang perilaku yang disukai, dan hukuman yang menghambat perilaku yang tidak diinginkan	B.F. Skinner	Teori Sosiologi Behavioral Teori Pertukaran

Ketiga-tiga paradigma sosiologi tersebut ternyata mempunyai kedekatan dengan ilmu komunikasi. Dengan kata lain, ilmu komunikasi cukup banyak menyerap paradigma yang ada dalam sosiologi. Contohnya, dalam pembahasan komunikasi pembangunan yang substansinya adalah berkenaan dengan konsep-konsep tradisional dan moden, maka sebahagian besar bahannya menyerap kebenaran paradigma fakta sosial.

Kajian ini lebih merujuk kepada paradigma definisi sosial khususnya teori interaksionisme simbolik. Paradigma definisi sosial menekankan hakikat kenyataan sosial, yang bersifat subjektif dan individu. Teori interaksionisme, simbolik memiliki pandangan bahawa kenyataan sosial bergantung kepada definisi subjektif individu dan interpretasinya. Manakala struktur sosial mahupun institusi sosial, merupakan definisi bersama yang dimiliki individu yang berhubung kait dengan bentuk-bentuk yang sesuai dan menghubungkannya antara yang satu dengan yang lain. Tindakan-tindakan individu

serta pola-pola interaksinya dibimbing atau diarahkan oleh definisi bersama yang serupa, yang dikonstruksi melalui satu interpretasi.

2.4. Paradigma dan Teori Komunikasi

Ilmu komunikasi bersifat eklektik atau multidisiplin sehingga sangat terbuka bagi paradigma ilmu-ilmu lainnya. Dengan mengamati perkembangan teori-teori yang berkenaan dengan kesan komunikasi, *Saverin* dan *Tankard*, pada masa yang sama juga memetakan perkembangan paradigma yang terjadi di dalam ilmu komunikasi, (Severin WJ. dan Tankard JW., 1979: 246-49, 256-58). Menurutnya, paradigma komunikasi yang paling awal adalah Teori Peluru (*Bullet Theory*), yang lazim juga disebut sebagai *Hypodermic Needle Model*, atau *The Transmission Belt Theory*. Paradigma ini, bermula daripada anggapan dasar bahawa kesan media massa akan terjadi secara langsung seketika dan dalam bentuk yang sama terhadap setiap individu yang menerimanya. Dengan perkataan lain, media massa memiliki kemampuan yang sangat kuat untuk mempengaruhi dan membentuk audiens sebagaimana yang diinginkan oleh komunikator; manakala audiens dipandang sebagai bersifat pasif, tidak bersatu dan homogen.

Merujuk daripada pandangan yang sedemikian, jelaslah jika kajian-kajian komunikasi menjadi berpusat pada komunikator, mesej dan media massa sementara kajian mengenai audiens kurang mendapat perhatian. Kelemahan paradigma ini adalah pada pandangannya yang terlalu memfokuskan perhatian kepada kesan media massa, sehingga mengabaikan adanya kemungkinan bahawa audiens juga dapat bersikap aktif dan selektif terhadap mesej media. Dapat dikatakan bahawa teori ini terlalu menyederhanakan peristiwa-peristiwa komunikasi, sehingga memperbesar kemungkinan

bagi terjadinya berat sebelah. Model komunikasi pada paradigma ini, yang sudah terkenal luas, dikemukakan oleh H.D. Laswell, dengan lima formulanya, yaitu: Komunikator (*Who*); Mesej (*Says What*); Saluran (*In Which Channel*); Penerima mesej (*To Whom*) dan Kesan (*With What Effect*), (Severin WJ. dan Tankard JW., 1979: 5-6).

Seterusnya, tahap berikutnya disebut dengan Model Kesan Terbatas (*The Limited Effects Model*). Model ini memperlihatkan terjadinya pertindihan pada fokus kajian komunikasi iaitu, daripada kajian tentang media massa, mesej dan komunikator (pada tahap Teori Peluru) kepada kajian mengenai audiens. (Yusoff M. Md., 1993: 57-58). Keadaan ini oleh Rogers EM., (1986: 152) disebut sebagai Era Kesan Minimal (*The Era of Minimal Effects*). Dijelaskan bahawa peranan komunikator, mesej dan media massa sebagai sesuatu yang mutlak terhadap kesan komunikasi tidak dapat lagi diterima, melainkan mesti juga dikira adanya faktor-faktor lain yang turut menentukan bagi terjadinya kesan. Dalam hal ini, Klapper mengajukan konsep “Faktor Antara” (*Mediating Factors*) iaitu, adanya pengaruh kelompok dan norma kelompok, komunikasi interpersonal, penentu keputusan (*opinion leader*) dan karakter media massa terhadap kesan komunikasi, (Klapper J.T, 1960: 16). Tegasnya, media massa tidak lagi berperanan sebagai faktor tunggal terhadap kesan komunikasi.


Selanjutnya, disebut dengan Model Kesan Sederhana (*The Moderate Effects Model*). Model ini, keadaan yang ada pada media massa dan juga keadaan yang ada pada pembaca turut dikira dalam setiap proses komunikasi (Purba Amir, dan Syafrin, 2002). E.M. Rogers menyebut gejala ini sebagai Kesan Berkenaan Kondisi (*The Conditional Effect*), (Rogers EM., 1986: 152). Tahap ini dikenali beberapa teori komunikasi seperti, *The Information Seeking Paradigm, The Uses and Gratification Approach, The Agenda Setting Function, and The Cultural Norm Theory*.

Perkembangan terakhir ditemukan gejala Model Kesan Berkuasa (*The Powerful Effects Model*), walaupun ia masih meragukan, namun daripada beberapa penelitian ditemukan bahawa media massa ternyata memiliki kemampuan yang kuat dalam mempengaruhi audiens. Gejala-gejala tersebut kelihatan nyata khususnya pada kegiatan-kegiatan kempen. Namun berbeza dengan Teori Peluru, pada model ini kesan media massa harus memperhatikan faktor-faktor berikut. (1) Memfokuskan kegiatan komunikasi kepada sasaran tertentu yang menjadi target. (2) Pengulangan penyampaian mesej-mesej komunikasi kepada massa tertentu. (3) Merancang mesej-mesej komunikasi agar sesuai dengan yang menjadi target komunikasi. (4) Menggunakan teori-teori komunikasi dalam merancang strategi media massa dan mesej. (Yusoff M. Md., 1995: 60-62).

Perkembangan teori komunikasi di atas, memperlihatkan adanya pertindihan andaian tentang kesan media massa. Pada tahap awal media massa dianggap memiliki kesan yang sangat berkuasa (powerfull) dan keadaan ini selalu dihubungkan dengan karakter khalayak yang dianggap pasif. Selanjutnya, terjadi kembali perubahan andaian dengan menyatakan bahawa kesan media massa adalah terbatas. Keterbatasan ini selalu dihubungkan dengan karakter khalayak yang dianggap aktif. Pada rentang wilayah yang ada antara dua titik kontinum inilah selanjutnya menjadi wilayah perkembangan teori-teori komunikasi mengenai media massa. Jelasnya, wujud pertindihan antara peranan media massa dengan peranan khalayak. (Idid SA dan Mohamed S., 2006: 78-80)

Berbeza dengan Saverin dan Tankard, McQuail D., (1987: 58) membahagikan paradigma komunikasi, seperti berikut:

Rajah 2.3. Paradigma dan Teori



Sumber Diedit dari Denis McQuail (1994)

Rajah tersebut memperlihatkan dua dimensi, dan pada masa yang sama memperlihatkan adanya empat paradigma utama. Keempat-empat paradigma tersebut, adalah pada bahagian kiri atas *humanisme radikal*; manakala pada bahagian kanan atas *strukturalisme radikal*; pada bahagian kiri bawah adalah aliran *sosiologi interpretatif*, manakala pada bahagian kanan bawah *fungsionalisme*. Dimensi vertikal (atas dan bawah) adalah “*Sosiologi perubahan radikal*” berlawanan dengan “*Sosiologi peraturan*” yang secara berurutan berhubung kait dengan model konflik dan model

konsensus masyarakat. Dimensi horizontal (kiri dan kanan) memisahkan *pandangan subjektif dengan pandangan objektif* terhadap dunia dan cara-cara pendekatannya.

Kajian ini lebih menekankan kepada paradigma yang terdapat pada dimensi vertikal di bahagian atas pada rajah Mc-Quail tersebut, iaitu termasuk ke dalam “Sosiologi Perubahan Radikal”. Sosiologi perubahan radikal meliputi Strukturalisme Radikal dan Humanisme Radikal. Strukturalisme Radikal merupakan paradigma yang merujuk kepada pemikiran Marxis Materialis atau Marxis Klasik; manakala Strukturalisme Radikal merujuk kepada pemikiran Kritikan Marxis. Kiranya jelas bahawa pemikiran-pemikiran di wilayah ini bermula daripada pemikiran Karl Marx.

Menurut Mc-Quail, (1987: 63-68) Teori Media Marxis memiliki lima cabang, iaitu, pertama, Marxis Klasik (*Classical Marxism*). Di sini media massa dipandang hanya sebagai alat dari kelas dominan dan juga sarana bagi kapitalis untuk mendapatkan keuntungan. Media menyebarkan ideologi kelas penguasa dan sebaliknya menekan kelas yang lainnya. Kedua, Teori Ekonomi Politik Media (*Political-Economic Media Theory*). Sama halnya dengan teori Marxis Klasik yang juga menyalahkan pemilik media. Dalam perpektif ini, kandungan media adalah merupakan barang dagangan yang dijual, manakala informasi yang disebarluaskan disesuaikan dengan tuntutan pasaran. Keadaan tersebut menciptakan suasana yang konservatif di mana sebahagian media menjadi besar dan dominan, manakala yang lainnya dkecilkan.

Ketiga, teori-teori aliran *Frankfurt School*. Perspektif mereka menempatkan media sebagai sarana untuk membina budaya (*Constructing culture*) iaitu, lebih menekankan media sebagai gagasan berbanding sebagai bahan. Dengan cara berfikir yang sedemikian itu, maka media menjadi sarana yang menyokong berlangsungnya

dominasi ideologi daripada para elit. Media dianggap sebagai sarana untuk memanipulasi terbentuknya imej yang menguntungkan bagi kelas dominan.

Keempat, Teori Hegemoni (*Hegemonic Theory*). Hegemoni adalah merupakan situasi, yaitu terjadinya dominasi dalam hal ideologi dan cara berfikir yang palsu pada situasi yang nyata. Ideologi tidak hanya ditentukan oleh sistem ekonomi semata-mata, akan tetapi ianya meresapi ke seluruh kegiatan masyarakat. Dengan demikian ideologi bukanlah sesuatu yang dipaksakan oleh suatu kelompok kepada kelompok lainnya, akan tetapi ianya meresap dengan cara yang tidak disadari. Ideologi dominan akan mengukuhkan kepentingan kelas tertentu terhadap kelas lainnya dan dalam proses tersebut, media massa sudah tentu memiliki peranan yang sangat besar. Kelima, pendekatan Sosial Budaya (*Sociocultural Approach*), yang juga disebut dengan "*cultural studies*". Pada umumnya berhubungan dengan semiotik, kelompok ini tertarik untuk mempelajari aspek budaya yang terdapat dalam produksi media, mempelajari teknik-teknik menginterpretasikan kandungan media dan juga mempelajari sama ada ia kekuatan yang dominan mahupun kekuatan tandingannya dalam menginterpretasikan isi media. *Cultural studies*, menempatkan masyarakat sebagai satu ruang, yaitu terjadinya persaingan gagasan yang bertujuan memenangkan pemaknaan, (Littlejohn SW, 1996: 330).

2.5. Aliran Marxis Klasik

2.5.1. Teori Marxis Klasik

Menurut pengkategorian yang dibuat oleh George Ritzer, pemikiran Marxis Klasik termasuk ke dalam bahagian Teori Konflik. Teori ini berpendapat bahawa masyarakat mempunyai empat karakter. Pertama, masyarakat pada dasarnya terdiri

daripada kategori dan kelompok yang masing-masing mempunyai kepentingan yang berbeza-beza. Kedua, seluruh bahagian-bahagian masyarakat tersebut, masing-masing berusaha untuk memperjuangkan kepentingan mereka dalam bentuk persaingan atau menjaga dan mempertahankan kepentingannya (dalam persaingan dengan pihak lain). Ketiga, masyarakat akan selalu berada dalam situasi konflik bagi mendapatkan dan mempertahankan keuntungan yang baru dan situasi ini ada di mana-mana. Keempat, proses persaingan dan konflik kepentingan berlangsung secara terus menerus sebagai proses perubahan, masyarakat tidaklah bersifat harmoni/keseimbangan tetapi selalu berubah, (DeFleur, MD., dan Rokeach S. 1989: 31-32). Masyarakat terdiri daripada pelbagai kelompok dan sub-kelompok, manakala antara mereka terus menerus dalam keadaan berkonflik. Konflik terjadi berdasarkan adanya kepentingan yang berbeza antara mereka. Masing-masing kelompok berusaha untuk saling menjaga, mengembangkan dan mempertahankan kepentingannya pada masa yang sama.

Menurut Karl Marx, dinamika masyarakat ditentukan oleh “base” atau asas, iaitu faktor-faktor produksi, manakala “superstruktur”, sebagai produk asas. Hubungan antara asas-superstruktur menjadi idea dasar Marx yang menyatakan bahawa faktor ekonomi menjadi penentu bagi semua struktur sosial. Ertinya, dinamika masyarakat merupakan bahagian daripada proses mendapatkan faktor-faktor produksi dan proses ini menjadi daripada faktor penentu terhadap realiti yang muncul pada super struktur. Proposisi inilah yang kemudian menjadikan pemikiran Marx disebut sebagai Penentuan Ekonomi (*Economic Determinism*), (Littlejohn SW., 2005: 318).

Marxis Klasik menempatkan media massa sebagai bahagian daripada faktor produksi. Dengan demikian, media massa juga cenderung dimonopoli oleh kelas kapitalis dan digunakan sebagai alat untuk menyebarkan ideologi mereka. Pada masa

yang sama menolak idea-idea lain yang memungkinkan terciptanya kesadaran kelas pekerja akan kepentingannya. Struktur media dapat merupakan satu monopoli iaitu, satu perusahaan mendominasi industrinya yang berupa oligopoli iaitu, beberapa perusahaan didominasi. Pola kepemilikan juga mempengaruhi keseragaman dan karakter kandungan media massa, ketersediaan dan kemudahan untuk diterima oleh masyarakat, dan pengaruhnya terhadap mereka. Selanjutnya, bentuk struktur sosial juga ditentukan oleh keupayaan kelas dominan dalam menjaga kesejahteraan dan kekuasaan mereka. Kelas dominan ini, yang juga menguasai media, akan menentukan kandungan medianya. Kelas dominan ini akan membangunkan (to create) kesepakatan atau hegemoni, terhadap idea-idea yang akan mengukuhkan posisi dominasi mereka. Dalam persoalan ini, keupayaan mempertahankan kekuasaan yang dilakukan kelas dominan tersebut akan berlanjutan dengan keuntungan daripada perusahaan media. Kecenderungan tersebut akan membuatkan media mempertahankan/membatasi isinya dengan idea-idea yang berorientasi hegemonik, (Straubhaar J. dan LaRose R, 2006:52-53).

2.5.2. Teori Politik Ekonomi Media

Ekonomi politik bermula dari Das Capital yang ditulis oleh Karl Marx pada abad ke 19 sebagai kritikan terhadap masyarakat kapitalis. Marx mengatakan bahawa setiap masyarakat berasaskan kepada hubungan antara sesiapa yang memiliki alat-alat produksi (seperti, kilang dan proses percetakan), dengan mereka yang bekerja di dalamnya. Dari sudut pandangan ini, kepentingan para pemilik media akan diwakili oleh media dan budaya, kerana kelompok yang dominan di dalam masyarakat, biasanya mereka yang memiliki perusahaan besar, berkeinginan untuk membangunkan satu kesepakatan yang sangat dasar atau hegemoni daripada ideologi mereka dalam rangka

mengekalkan hegemoni mereka. Sekalipun keperluan konsumer dan hukum penawaran dan permintaan masih sahaja mempengaruhi media, namun selalu sahaja tidak dapat melepaskan dirinya daripada kepentingan para pemiliknya (Straubhaar J. dan LaRose R, 2006: 41).

Teori Politik Ekonomi Media memusatkan perhatian pada struktur ekonomi daripada muatan kandungan ideologi media. Teori ini mengemukakan ketergantungan ideologi pada kekuatan ekonomi dan mengarahkan perhatian kepada analisis empirik terhadap struktur pemilikan dan mekanisme kerja kekuatan pasaran media. Menurut tinjauan ini, institusi media mesti dinilai sebagai bahagian daripada sistem ekonomi yang juga berhubung kait dengan sistem politik yang ada. Sama halnya dengan teori Marxis Klasik yang juga menyalahkan pemilik media. Dalam perspektif ini, kandungan media adalah barang dagangan yang dijual ke pasaran, manakala informasi yang disebarluaskan disesuaikan dengan tuntutan pasaran.

2.6. Aliran Marxis Kritis

Aliran pemikiran Marxis Kritis tidak dapat dilepaskan daripada adanya pemikiran Marxis Klasik. Ertinya, aliran pemikiran ini lahir daripada proses mengkritik secara terus menerus pemikiran Marxis Klasik. Proses mengkritik tersebut berlangsung, sebagaimana yang digambarkan oleh Thomas Kuhn, sehingga pada akhirnya melahirkan pemikiran Marxis Kritis. Sebagaimana diilustrasikan Magnis S, (1992: 177):

“Yang khas bagi aliran pemikiran kritis, ... ialah bahawa aliran itu sangat heterogen. Para pemikir kritis tidak sepehaman satu sama lain, mereka suka saling menanggapi dan saling mengkritik. Yang menyatukan mereka barangkali hanya satu hal: Bahawa mereka, sambil melanjutkan pemikiran Karl Marx

secara kritis dan anti dogmatis, malah menolak apa yang disebut “*Marxisme resmi*”.”

Dinamika pemikiran dalam aliran ini sangat tinggi sehingga antara sesama mereka juga berlangsung proses saling mengkritik. Situasi itu terjadi kerana sebahagian besar teori kritikan sekarang ini melihat bahawa proses sosial sebagai sesuatu yang ditentukan oleh pelbagai sumber yang beragam (*multiple sources*). (Littlejohn SW., 2005: 316) Tidak menghairankan jika pemikiran yang berkembang dalam aliran ini menjadi sangat Heterogen.

Selanjutnya, untuk lebih memahami pemikiran Marxis Kritik, terlebih dahulu perlu memahami pengertian kata “kritik”. Menurut Bertebs, (1983: 182), kata “kritik” mengandungi dua pengertian. Pertama, kritikan terhadap ajaran dalam bidang sosial yang terdapat pada masa itu, termasuk Marxisme ortodoks (klasik). Semua ajaran dalam bidang sosial haruslah dikritik tanpa pengecualian. Kedua, kritikan terhadap keadaan masyarakat pada masa itu, tertindas oleh industri yang sangat memerlukan perubahan radikal. Banyak masyarakat yang tidak berasa tertindas oleh kemajuan industri. Mereka merasa menerima begitu sahaja kemajuan industri itu sebagai satu kemestian (Santoso, A., 2003: 27).

Tokoh-tokoh pengkritik membuat penggolongan ilmu ke dalam dua kelompok; iaitu, Teori tradisional, dan Teori kritikan. Teori kritikan lahir dalam rangka menjawab kelemahan-kelemahan teori tradisional. Menurut Horkheimer, falsafah dan teori-teori tradisional membatasi diri dalam penggambaran satu “*dunia*”, atau “*kenyataan*” yang objektif, jadi yang ada lepas daripada kita, padanya pengertian kita mesti menyesuaikan diri, (Magnis Suseno, 1992: 178). Teori, seakan-akan mahu melihat perkara yang ada, seakan-akan kita sendiri tidak terlibat di dalamnya. Mereka adalah kegiatan dalam